

Flat dicat semula

MS3, 8, 9



Pasar awam dinaiktaraf

MS7

MPPP ‘bersihkan’ papan iklan haram

MS 24



buletin Mutiara

PERCUMA



16 – 31, MAC 2013



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

3 Projek Lebuhraya & Terowong Laluan Penghubung Ketiga:

Tender terbuka negeri ‘cakap serupa bikin’ - Zarul Ahmad

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

TASEK GELUGOR - Rupanya syarikat itu menawarkan sebut harga terendah berbanding syarikat-syarikat lain semasa proses tender terbuka berlangsung sebelum ini.

Bhd. dipilih kerana syarikat itu menawarkan sebut harga terendah berbanding syarikat-syarikat lain semasa proses tender terbuka berlangsung sebelum ini.

“Dia (Kerajaan Negeri) tak tanya pun Zarul Ahmad ini orang UMNOkah atau orang apa, tetapi dia lihat atas rekod pencapaian kita (Zenith BUCG)...kita lawan secara tender terbuka dengan semua syarikat gergasi Malaysia.



km); dari Tanjung Bungah – Teluk Bahang (12 km).

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, terowong bawah laut itu dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk melancarkan trafik George Town ke SPU dan juga merancakkan pembangunan di lokasi sama, SPU.

Selain itu, beliau berkata, projek itu terpaksa diteruskan kelak memandangkan Kerajaan Pusat beberapa kali menolak pembayaran RM10 juta oleh Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sistem pengangkutan bas awam secara percuma di seluruh Pulau Pinang.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, Kerajaan Negeri menolak cadangan pembangkang Pulau Pinang untuk menyekat kemasukan kenderaan ke George Town sebagaimana yang diamalkan di Singapura.

“Pembangunan ini diharap akan membawa kemajuan di SPU...Pulau Pinang bukan Singapura. Pulau Pinang tak mahu ikut (amalan trafik) Singapura. Rakyat seharusnya menikmati kebebasan bergerak.

“Tiap-tiap rakyat berhak masuk ke ‘pulau’ (George Town), jangan hanya mereka yang



ZARUL Ahmad Zulkifly.

mampu (kaya) sahaja yang boleh masuk. Negeri ini bukan untuk orang kaya saja, tetapi untuk seluruh rakyat Pulau Pinang,” tegasnya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, tol akan dikenakan bagi pengguna terowong bawah laut selaras dengan kadar tol ditetapkan Kerajaan Pusat ke atas pengguna kedua-dua Jambatan Pulau Pinang kelak.

“Kerajaan Negeri tidak mahu dituduh cuba mensabotaj projek Kerajaan Pusat sekiranya tidak mengenakan bayaran tol untuk terowong sepanjang 7.2 km dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam.

“Kita tiada pilihan, sekiranya tidak mengenakan tol, Kerajaan Persekutuan ada alasan untuk halang perjalanan projek ini dan mungkin tidak ada orang akan guna Jambatan Kedua Pulau Pinang.

“Mesti ingat, apabila terowong (bawah laut) ini siap, saya tiada lagi. Terowong ini untuk semua anak-anak kita. Mereka lah akan mengucap terima kasih kepada semua kita,” ujar Guan Eng.

(Surat terbuka kepada rakyat Pulau Pinang oleh Ketua Menteri di muka surat 16 & 17).

“Tender sebesar ini kalau di (bawah Kerajaan) Persekutuan, saya rasa saya tiada ‘can’ (peluang memenangi).

“Di sini, saya hormat dan tabik kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana dia cakap serupa bikin.

“Saya tak pernah mengalami prosedur yang begitu telus, tiada ‘sembunyi-sembuni’, semuanya jelas dan terang-terang dikendalikan oleh Ahli Lembaga Tender yang bukan terdiri oleh ahli-ahli politik, tetapi, oleh (dikendalikan) pegawai-pegawai kerajaan,” ujar beliau dalam majlis dialog berhubung pelaksanaan projek berkenaan di Dewan Besar Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I) turut berucap pada majlis interaksi tersebut yang dikendali oleh Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, pihaknya dipilih kerana mempunyai rekod cemerlang dalam membina infrastruktur terbaik di peringkat dunia.

Malah, katanya lagi, Zenith BUCG Sdn.

Kurangkan jurang ketidaksamaan rakyat menerusi AES

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUTTERWORTH - Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini melancarkan Majlis Pengenalan Agenda Ekonomi Saksama (AES) di Seberang Perai Tengah (SPU), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Utara (SPU).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, usaha mencukupkan pendapatan isi rumah rakyat sekurang-kurangnya RM770 tiap-tiap bulan diharap dapat menghapuskan kemiskinan tegar berdaftar di negeri berkenaan.

"Pengenalan AES diharap dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan dalam kalangan masyarakat dan seterusnya menghapuskan kemiskinan pada tahun 2013 sepetimana kita berjaya membasmi miskin tegar pada tahun 2009," ujar beliau di Dewan Ahmad Badawi di sini baru-baru ini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), A. Tanasekharan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam) dan Rosidi Hussain (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga) turut hadir dalam majlis itu.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri



ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee (depan, kanan sekali) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima peringkat Daerah SPS.

bermula tahun ini memperuntukan RM20 juta bagi mencukupkan pendapatan isi rumah rakyat tiap-tiap bulan kepada RM770.

Inisiatif itu dilakukan supaya tiada lagi keluarga berpendapatan di bawah garis kemiskinan, iaitu RM763 sebulan sebagaimana digaris oleh *Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*.

Difahamkan, seramai 2,814 penama direkod menerima bantuan am berkenaan.

Dari jumlah itu, seramai 36 warga SPU menerima bantuan antara RM220 hingga



KETUA Menteri berjabat tangan dengan salah seorang penerima sambil diperhatikan Rosidi Hussain (dua dari kanan) pada Majlis Pengenalan AES di SPU di sini baru-baru ini.



TIMBALAN Ketua Menteri 1, Datuk Mansor Othman (kiri sekali) ketika menyempurnakan majlis sumbangan peringkat Daerah SPT.

RM770 yang berjumlah RM21,760.

Terdahulu, majlis pelancaran serupa peringkat SPT dan SPS turut diadakan pada 2 Mac lepas.

Manakala, Majlis Pelancaran AES Peringkat Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya pula masing-masing diadakan pada 2 Februari lepas.

SINDIR MUTIARA

Oleh: **Sam**



Mikrokredit manfaat 1,003 usahawan negeri



SEBAHAGIAN penerima bantuan PTSR pada Majlis Penyampaian Cek PTSR Negeri Pulau Pinang baru-baru ini di sini.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

BAYAN BARU- Pendekatan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dalam membangunkan peniaga dan penjaja kecil dilihat semakin membawa hasil apabila Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang dimulakan pada tahun 2010 berjaya memberikan manfaat kepada 1,003 usahawan negeri ini dengan kos keseluruhan RM3.88 juta.

Malah, ekoran keberkesanannya program juga dikenali sebagai Mikrokredit, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang menyelaras pelaksanaan inisiatif tersebut telah menambah peruntukan tambahan RM3 juta bagi tahun ini.

Ketua Menteri merangkap Pengerusi PDC, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, matlamat

utama PTSR adalah untuk mewujudkan suatu sistem penyaluran modal mudah dan tidak membebangkan para peniaga dan penjaja kecil di Pulau Pinang.

"Tujuan PTSR diwujudkan adalah untuk menawarkan modal tambahan kepada para peniaga dan penjaja kecil bagi mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat melalui pinjaman perniagaan yang diberikan di samping mewujudkan rangkaian usahawan serta menggalakkan budaya menabung dan memperkuuhkan keupayaan pengurusan peniaga kecil.

"Falsafahnya adalah di mana lebih pulangan akan ditabungkan untuk manfaat peniaga dan penjaja kecil secara individu mahupun kelompok," ujarnya ketika Majlis Penyampaian Cek PTSR Negeri Pulau Pinang bertempat di PDC

baru-baru ini di sini.

Pada majlis tersebut, seramai 89 penerima dari seluruh daerah di Pulau Pinang menerima cek masing-masing.

Sejak dilancarkan, peratusan peminjam yang telah menerima manfaat daripada program berkenaan mengikut pecahan kaum adalah Melayu, 814 orang (81 peratus), Cina, 83 orang (8 peratus) dan India, 106 orang (11 peratus).

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Dalam pada itu, Abdul Halim

Cat semula dua flat bawah HAPPY!

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN - Setelah 30 tahun, sebanyak 17 blok Flat Jalan Tengah dan Mayang Pasir (6) bakal dicat semula hasil inisiatif Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Pembangunan Pulau



KETUA Menteri, Sim Tze Tzin (depan, dua dari kanan) dan Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai (depan, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penduduk yang hadir pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Pinang (PDC) menerusi program HAPPY! atau Housing Assistance Programme Penang YES!

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, di bawah program tersebut yang memiliki

Sebaran intipati Paradigma Pulau Pinang diperluas



ZAIRIL Khir Johari menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Paradigma Pulau Pinang di pusat membeli-belah Persiaran Gurney di sini baru-baru ini.

PULAU PINANG NO. 1...

Intipati pelan 10 tahun masa depan negeri yang dikenali sebagai 'Paradigma Pulau Pinang' terus disebar luas kepada rakyat negeri ini bagi memberi gambaran lebih jelas dalam usaha menjadikan Pulau Pinang negeri nombor 1 di Malaysia menjelang tahun 2023.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari dan Pegawai Eksekutif Kanan PI, Steven Sim Chee Keong.

Pada majlis tersebut,

Pengarah Eksekutif Penang Institute (PI), Professor Datuk Woo Wing Thye yang merupakan Penasihat bagi Perbendaharaan Amerika Syarikat dan kini diberi amanah untuk merealisasikan pelan futuristik tersebut telah membuat pembentangan pelan di hadapan audiens yang hadir.

"Bantuan ini bukan saja untuk membantu peniaga dan penjaja kecil, malahan, diharap dapat menjadikan peniaga mempunyai visi lebih besar bagi mengembangkan perniagaan sedia ada ke tahap *entrepreneur* dan sebagainya," ujar beliau.

wang daripada agen-agen tidak sah serta menawarkan faedah tinggi seperti along.

"Bantuan ini bukan saja untuk membantu peniaga dan penjaja kecil, malahan, diharap dapat menjadikan peniaga mempunyai visi lebih besar bagi mengembangkan perniagaan sedia ada ke tahap *entrepreneur* dan sebagainya," ujar beliau.

"Ini (PTSR) adalah pinjaman tanpa faedah. Seharusnya peniaga dan penjaja kecil di negeri ini merebut peluang keemasan yang ada berbanding mendapatkan

dana berjumlah RM50 juta, kos perbelanjaan mengecat semula blok-blok flat adalah membabitkan pembahagian antara Kerajaan Negeri, PDC dan penduduk.

"Di bawah HAPPY!, kos keseluruhan RM1.5 juta akan dibelanjakan 80 peratus oleh PDC, sumbangan Kerajaan Negeri (10 peratus) dan penduduk (10 peratus) serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin," katanya pada majlis sidang media bersama penduduk terbabit di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Tze

Tzin, usaha beliau berhubung perkara tersebut pada peringkat awalnya adalah agak sukar kerana keengganan para penduduk menanggung kos diperuntukkan.

"Namun, hasil perbincangan lanjut dengan Ketua Menteri, ia berjaya diselesaikan," jelasnya.

Beliau memberitahu, setelah PDC serahkan kepada pihak pengurusan blok (MC), sepatutnya pihak terbabit dan penduduk yang perlu menanggung kos berkenaan.

"Namun, di bawah Program HAPPY!, seramai 6,000 penduduk bakal memperoleh manfaat," ujar Tze Tzin.

Usia Kerajaan PR P.Pinang genap lima tahun dirai

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kira-kira RM400 juta berjaya disimpan dalam lima tahun pentadbirannya menjadikan keseluruhan rizab simpanan Kerajaan Negeri berjumlah RM1.2 bilion sekarang.

Justeru, beliau berharap warga Pulau Pinang akan terus memberi mandat kepada Kerajaan Negeri sedia ada demi kelangsungan kejayaan yang nyata menguntungkan rakyat terbanyak di negeri berkenaan.

Harapan itu diluahkan sempena meraikan usia penubuhan Kerajaan Negeri yang genap lima tahun pada 13 Mac lepas.

"Hari ini, cukup usia lima tahun (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang (ditubuhkan). Kalau dulu, sehari selepas Kerajaan Negeri ditubuhkan, pembangkang Pulau Pinang melancarkan demonstrasi anti Kerajaan Negeri.

"Tetapi, rizab mereka (Kerajaan Negeri era Barisan Nasional) dalam 50 tahun hanya RM800 juta. Kita (memerintah) lima tahun sahaja, tetapi berjaya mengumpul rizab tunai RM400 juta," ujar beliau baru-baru ini di Komtar di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan semua barisan Exco Kerajaan Negeri serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Rakyat (PR) turut hadir pada majlis jamuan tengah hari tersebut.

Mereka, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Law Choo Kiang (Exco Pertanian Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir), Wong Hon Wai (Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian), Lydia Ong Kok Fooi (Exco Belia &



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis memotong kek sempena Ulang Tahun Kelima Penubuhan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Sukan, Pembangunan Wanita & Komuniti) dan Phee Boon Poh (Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar).

Hadir bersama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri) serta seluruh kepimpinan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, rakyat seharusnya membandingkan rekod urus tadbir Cekap, Akauntabel, Telus (CAT) yang dilaksanakan Kerajaan Negeri sekarang dengan pentadbiran sebelum itu.

Malah katanya, beliau percaya bahawa warga Pulau Pinang tidak akan terpengaruh oleh dakyah-dakyah yang disebarluaskan oleh pembangkang Pulau Pinang.

"Mungkin selepas ini, tiap-tiap minggu lah. Itu semua kita (Pakatan Rakyat) sudah biasa. Tetapi, saya percaya rakyat di negeri ini bijak membuat penilaian," seloroh Guan Eng di depan hampir 100 hadirin.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut meraikan 10 pelajar serta seorang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) St. George's ekoran pencapaian cemerlang mereka dalam *Singapore International Biomedical Challenge 2013*.

Sumbangan RM30,000 untuk setiap keluarga perwira negara

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN - Bagi menghargai jasa pahlawan negara yang gugur berjuang mempertahankan Lahad Datu, Sabah daripada pencerobohan Penggasas Selatan Filipina, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang meluluskan peruntukan sebanyak RM30,000 untuk disumbangkan kepada semua keluarga mangsa terlibat di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, MMK yang baru bermesyuarat dengan terbukanya meluluskan sumbangan sebanyak RM30,000 kepada setiap keluarga mangsa sebagai tanda sokongan moral.

"Kita akan dapatkan maklumat penuh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum menyalurkan kepada semua keluarga mangsa yang terlibat," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Antara mangsa-mangsa terkorban adalah Asisten Supritenden (ASP) Zulkifli Mamat, 29, dari pasukan

Komando PDRM (VAT 69); Sarjan Sabaruddin Daud, 46, (VAT 69); Deputi Supritenden (DSP) Michael Padel, 36, dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Samporna, Sabah; Asisten Komisioner (ACP) Ibrahim Lebar, 52, dari Cawangan Khas Bukit Aman PDRM; Sarjan Mejar Abdul Aziz Sakirun, 49, dari Pasukan Gerakan Am (PGA), Tawau; Koperal Mohd. Azrul Tukiran, 27, dari PGA, Tawau; Sarjan Mejar Baharin Hamit, 49, dari Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Sabah dan Sarjan Salam Togiran, 42, dari IPD Tawau.

Ketika pengumuman sumbangan tersebut dibuat, seramai lapan perwira negara gugur dalam pertempuran tersebut.

Selepas itu, dua lagi kehilangan dilaporkan membabitkan Prebet Ahmad Hurairah, 24, dari Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD) Tawau dan Prebet Ahmad Farhan Ruslan, 21, dari RAMD Kota Kinabalu.

Al-Fatihah kepada keluarga mangsa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

5 Tahun Pakatan Rakyat : SUARA RAKYAT, SUARA KERAMAT!



(sambungan di muka surat 5).



Boleh cari makan di Pulau Pinang!

Usahawan jeruk berjaya : MOHAMAD NASIR HUSSAIN, 54.
“TANGGAPAN mengatakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang menindas peniaga Melayu di sini tak betoi! Lihat, *business* saya dapat berkembang atas daya usaha saya sendiri sejak tahun 2009.

“Bagi saya, usahawan Melayu selalu ‘dimanjakan’. Di Pulau Pinang, walaupun saya tak buat sebarang bantuan ataupun pinjaman, tapi, sini mudah cari makan. Saya kini boleh dikatakan seorang usahawan yang berjaya mempromosikan produk pelancongan negeri di tiga cawangan di sini,” katanya.



Pulau Pinang Hapuskan Kemiskinan 2013.

Penerima bantuan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) : SITI ROHAYA ABDUL SALAM, 41.

SITI Rohaya yang merupakan seorang ibu tunggal dikurniakan dua anak kembar lelaki kini berusia empat tahun. Beliau kini menetap di Ayer Itam dan tidak dapat bekerja tetapi ekoran terpaksa menjaga anak-anaknya yang sering tidak sihat.

“Alhamdulillah, Kerajaan Negeri kini amat dititikberatkan soal kebaikan.

“Dengan menambah ‘top-up’ pendapatan isi rumah minima ke tahap RM770, saya boleh ‘bernafat’ sedikit berbanding Kerajaan Negeri dahulu yang tidak pernah menyumbangkan apa-apa bantuan kepada golongan miskin,” katanya yang tidak dapat berdiri lebih daripada 15 minit ekoran sakit belakang, penat dan sesak nafas dialami.

Kerajaan Negeri bantu, program pelancongan banyak!

A.MUNIANDY, 64, pengayuh beca, George Town.

“Saya kayuh beca dari tahun 1970-an lagi. Selama tu tak pernah dapat bantuan RM100 macam kerajaan sekarang bagi. Pendapatan pun sekarang lumayan, mesti lebih dari RM30 sehari. Saya gembira dapat cari makan di Penang.”



Bersaing melalui konsep tender terbuka.

MOHD.AZRIQ ELIAS, 27, Kontraktor, Pantai Jerejak.

“Walaupun Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang dan mengamalkan tender terbuka, terbukti, kontraktor Bumiputera seperti syarikat saya dapat bersaing melalui konsep tender terbuka ini. Syarikat saya berjaya memperoleh tender pembersihan beberapa tingkat Pejabat Kerajaan Negeri.”



Pulau Pinang lebih Bersih & Hijau!

FOO, 63, peniaga di Pasar Chowrasta, Island Glades.
“Penang telah berubah banyak. Sekarang lebih bersih dan hijau. Orang Penang juga banyak dapat manfaat dari pelbagai program kebaikan anjuran Kerajaan PR kini.

“Ya, saya menerima RM100 untuk sumbangan warga emas tahun lalu. Kerajaan Negeri perlu terus jadikan Penang bersih, kurangkan kes jenayah terutamanya ragut melibatkan warga emas dan wanita tua.”

Skim Pinjaman Mikrokredit sangat membantu!

AMLAN ZAKI, 34, Perniagaan sarung kaki, Logic Seven Enterprise.

Menurut Amlan, skim pinjaman PTSR sangat membantu para usahawan kecil mengembangkan perniagaan dengan skim pinjaman mudah yang ditawarkan.

“Disebabkan adanya PTSR, perniagaan saya semakin berkembang maju. Pinjaman yang terbaru iaitu pada pertengahan tahun 2011 adalah pinjaman saya yang kedua bersama PDC di bawah program ini.

“Jumlah maksimum yang diluluskan PDC ialah sebanyak RM5,000, namun ia bergantung kepada ‘kekuatan’ dokumen yang disertakan semasa membuat permohonan.

“Bagi peminjam kali kedua, rekod pembayaran terdahulu menjadi faktor penting dan dititikberatkan oleh pihak PDC sebelum meluluskan permohonan,” jelas Amlan yang memiliki pengalaman selama tujuh tahun dalam bidang perniagaan.

Enakmen ‘anti-lompat parti’ diperundangkan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Demi merealisasikan integriti politik, sebuah Rang Undang-undang Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata dengan kelulusan Enakmen tersebut, Perkara baru 14A telah memasukkan Perkara 14 baru ‘Pertukaran parti politik seorang ahli’ dalam Perlembagaan Negeri.

“Saya percaya Enakmen baru ini akan memantapkan lagi sistem penyampaian demokrasi di Pulau Pinang.

“Malah, Enakmen ini juga mampu menghalang kes wakil-wakil rakyat lompat parti terutama ketika menjelang pilihanraya,” katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Enakmen tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 1 November 2012 dan telah diperkenankan oleh Tuan Yang diPertua Negeri (TYT) pada 8 Januari 2013 dan disiarkan mengikut kuasanya dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang pada 14 Februari 2013 lalu.

Menurut Guan Eng, setelah diwartakan, beliau yakin di Pulau Pinang tidak akan timbul kes lompat parti.

“Sekiranya ada kes tersebut, ia boleh dibawa ke mahkamah untuk memulakan prosedur atau mengadakan pilihanraya kecil bagi menggantikan kekosongan kerusi tersebut,” ujarnya.

Fasal (1) Perkara baru 14A memperuntukkan bahawa setelah seseorang ahli Dewan Undangan yang telah dipilih sebagai calon daripada satu parti politik, dia melepaskan atau dilucutkan keahliannya atau berhenti daripada menjadi ahli parti politik

tersebut atas apa-apa jua sebab hendaklah mengosongkan kerusinya.

Fasal ini juga tertakluk kepada calon yang setelah dipilih yang bukan daripada satu parti politik, dia menyertai suatu parti politik hendaklah mengosongkan kerusinya.

Dibawah Fasal (2) memperuntukkan pembubaran atau pembatalan pendaftaran parti atau pelepasan keahlian parti atas sebab pemilihannya sebagai Yang diPertua Dewan, seseorang ahli Dewan Undangan tidak dikehendaki mengosongkan kerusinya.

Fasal (3) menyatakan walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Perkara 13(5), seseorang ahli Dewan Undangan yang mengosongkan kerusinya di bawah Perkara ini boleh bertanding semula dalam mana-mana pilihanraya yang berikutnya.

Yang diPertua Dewan hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya apabila berlaku sesuatu kekosongan di bawah Perkara 14A Fasal (4).



KETUA MENTERI menunjukkan Warta Kerajaan yang diterbitkan dengan kuasa pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Pelajar cemerlang kelas KAFA SAR dihargai

BATU MAUNG – Seramai lima pelajar Kelas Asas Fardhu ‘Ain (KAFA) diraikan dalam Majlis Penyampaian Pakaian Seragam & Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) Sekolah Agama Rakyat (SAR) Batu Maung di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Dalam ucapannya, Abdul Malik menegaskan bahawa pendidikan merupakan elemen terpenting yang perlu dititikberatkan dalam pembangunan ummah, keluarga dan peribadi.

“Pendidikan merupakan aspek penting yang ingin diperkasakan oleh Kerajaan Negeri dengan menghulurkan pelbagai bantuan pendidikan tanpa jemu demi masa depan anak-anak kita yang bakal menjadi pewaris.

“Antaranya melalui peruntukan pembangunan SAR, biasiswa pendidikan dan Program Pelajar Emas,” ucapnya pada Majlis Penyampaian Pakaian Seragam & Anugerah Pelajar Cemerlang UPKK SAR Batu Maung di sini baru-baru ini.

Selain itu katanya, pembangunan pendidikan perlulah selaras dengan pembangunan infrastruktur sama ada melalui intelektual, kerohanian, fizikal dan alternatif lain bagi membolehkan anak-anak yang bersekolah mencapai tahap kecemerlangan optimum.

Malah, Abdul Malik memberitahu, di Pulau Pinang, pengantarabangsaan turut dilaksanakan dalam pembangunan pendidikan.

“Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk membawa masuk universiti-universiti luar



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) beramah mesra dengan sebahagian pelajar dalam Majlis Penyampaian Pakaian Seragam & Anugerah Pelajar Cemerlang UPKK SAR Batu Maung di sini baru-baru ini.

negara yang cemerlang ke Pulau Pinang.

“Antaranya Universiti King Saud dari Riyadh, Arab Saudi dan Universiti al-Azhar, Kaherah untuk membuka cawangan di sini,” katanya yang juga telah menyatakan sasarannya ke arah pembangunan pendidikan terbaik di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut mengucapkan tahniah kepada Dayang Siti Nur Zulaikha Rahimi, Mohammad Khairuddin Mohd. Noor, Humairah Mohd. Fauzi, Noor Amira Qamar dan Mohammad Aiman Ibrahim yang masing-masing berusia 12 tahun ekoran penganugerahan Anugerah Pelajar Cemerlang UPKK diterima.

Kelima-lima mereka berjaya memperoleh keputusan semua A dalam semua matapelajaran KAFA bagi sesi 2012.

Dalam majlis sama, seramai 110 pelajar sesi 2013 turut menerima sumbangan pakaian seragam disampaikan Abdul Malik.

Hadir sama, Pengurus Qariah Masjid Batu Maung, Yusuf Othman dan Mudir SAR Batu Maung, Fauzi Zubir.



ZPP jejak asnaf baiki rumah usang

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

TELOK AIR TAWAR – Bagi mengoptimalkan kutipan zakat rakyat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) secara berterusan meneroka seluruh negeri bagi menyampaikan sumbangan zakat kepada para asnaf di sini.

Program di bawah Unit Jejak Asnaf ZPP yang dijalankan secara langsung adalah bagi membantu Kerajaan Negeri membanteras kemiskinan tegar di negeri ini.

Baru-baru ini, Yang Dipertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man berkesempatan melawat tiga buah rumah usang di Permatang To’ Gelam bagi tujuan membaiki dan menaiktaraf kediaman-kediaman berkenaan.

Menurut seorang pemilik, Rozali Ahmad, 43, kediaman usang yang didiami enam sekeluarga kini merupakan rumah pusaka arwah mentuanya.

“Rumah di tingkat atas sudah reput,

hanya buat tempat sidai baju sahaja. Kami semua tinggal di tingkat bawah,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Mengikut rekod ZPP, sejumlah 130 rumah telah dibaiki dan dinaiktaraf sepanjang tahun lalu dengan nilai keseluruhan RM1,387,581 di bawah program berkenaan.

Turut serta dalam sesi lawatan tersebut ialah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Syed Mikael Rizal Aidid.

Dalam pada itu, bagi Budiman Ishak, 47, bantuan yang disumbangkan cukup bermakna buat beliau sekeluarga.

Beliau yang bekerja di sebuah kilang di Perai dengan pendapatan agak terhad menghadkan usahanya untuk membaiki rumah sedia ada berikutan terpaksa menanggung isteri, emak serta empat orang anaknya.

Mohd. Salleh memberitahu, rumah-rumah terlibat akan dinilai dan proses menaiktaraf akan dijalankan secepat mungkin.

Surau pertama di Padang Kota Lama Julai ini

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Setelah lebih 50 tahun penantian, akhirnya sebuah surau bakal dibina di Padang Kota Lama bersebelahan Dewan Bandaraya Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim ketika ditemui berkata, orang awam telah lama menyuarakan keinginan masing-masing untuk melihat adanya sebuah surau di Padang Kota Lama memandangkan ianya kawasan tumpuan umum terutama hujung minggu dan cuti am.

“Kini, ianya telah menjadi realiti apabila Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk membina sebuah surau di sini.

“Selepas ini, pengunjung yang bertandang ke sini boleh menunaikan tanggungjawab (solat) di surau ini sambil beristirahat bersama keluarga,”

katanya ketika mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Turut serta, Yang diPertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Ahli Majlis MPPP, Yusof Mohd. Noor dan jurutera MPPP, Ridzuan Salleh.

Surau berkeluasan 160 meter persegi tersebut bakal dibina di atas tapak letak kereta (tanpa mengganggu bangunan warisan), Lebuh Duke dengan anggaran kos berjumlah RM175,200 hasil wang caruman surau.

Apabila siap dibina menjelang Julai ini, surau tersebut bakal menempatkan 70 jemaah dalam satu-satu masa dengan kemudahan solat yang mesra orang kurang upaya (OKU).

“Saya harap dengan adanya surau ini ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk melaksanakan tanggungjawab agama.

“Kerajaan Negeri juga berterima kasih kepada MPPP kerana bakal merealisasikan pembinaan surau ini,” ujar Malik.

Kompleks Pasar Awam Teluk Bahang siap dinaiktaraf

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

TELUK BAHANG - Hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) yang berjiwa rakyat, projek menaiktaraf Kompleks Pasar Awam Teluk Bahang merupakan yang ke-11 dilaksanakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) membabitkan pasar-pasar awam di seluruh negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Perasmian Kerja-kerja Siap Naiktaraf Pasar Awam Teluk Bahang menyatakan bahawa projek naiktaraf berkenaan menumpukan kepada bahagian bumbung kompleks.

“Lawatan sebelum ini mendapati keadaan bumbung kompleks adalah agak teruk, lantas Kerajaan Negeri bersama MPPP mengambil inisiatif menaiktaraf bangunan terbabit terutamanya pada bahagian berkenaan (bumbung) supaya ia lebih bersih dan selesa untuk para penggerai serta pelanggan.

“Malah, projek bernilai RM277,530 tersebut berjaya disiapkan dalam tempoh masa dua bulan iaitu dari bulan November 2012 hingga Februari lalu,” katanya di sini baru-baru ini.

Kompleks Pasar Awam Teluk Bahang



LAKARAN grafik Pasar Awam Teluk Bahang yang telah siap dinaiktaraf.

Kon Yeow.

Dalam pada itu, Yang DiPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail turut menyatakan bahawa inisiatif penaiktarafan tersebut secara tidak langsung menunjukkan bukti pengiktirafan MPPP terhadap para penjaja.

“Masyarakat penjaja memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi.

“Saya amat berharap dengan pasar yang baru ini, peniaga bukan sahaja akan lebih bersemangat untuk menjalankan perniagaan dengan menambah keuntungan masing-masing, bahkan menaikkan taraf ekonomi masyarakat serta negara,” ujar beliau.



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) menyatakan sesuatu ketika lawatan tapak pembinaan Surau MPPP Lebuh Duke sambil ditemani Mohd. Salleh Man (kanan sekali), Ridzuan Salleh (kiri sekali) dan Yusof Mohd. Noor (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.

Penjaja selesa Pasar Awam Jalan Kuantan dinaiktaraf

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Rata-rata penjaja Pasar Awam Jalan Kuantan melahirkan rasa gembira dengan inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kerana menaiktaraf pusat mencari rezeki mereka.

Tee Yeow Ching, 58, peniaga sayur-sayuran sejak lebih 30 tahun lepas berkata, inisiatif itu akan menggalakkan lebih ramai lagi pelanggan ke pasar tersebut.

“Ini kira OK lah. Kita harap, lebih ramai datang sini, beri untung sama penjaja,” ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Katanya, kawasan dalam dan longkang di sekeliling pasar tersebut bertambah bersih sejak empat tahun lepas hasil inisiatif serta kempen ‘Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat’ yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Nada yang sama turut dikongsi Chong Man Lan, 42, peniaga kedai runcit generasi kedua di pasar itu.

“Keluarga saya sudah bermiaga di sini lebih 50 tahun. Dulu, bapa saya bermiaga. Sekarang, saya.

“Bermiaga makin baik kalau tempat bermiaga bertambah baik,” ujar beliau.

Sebelum pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyempurnakan majlis perasmian projek naiktaraf pasar awam itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, Kerajaan Negeri melalui MPPP membelanja RM433,761.52 untuk projek naiktaraf pasar tersebut.

“Saya harap (projek naiktaraf pasar awam) ini satu perubahan. Dulu, tidak pernah belanja wang untuk keselesaan rakyat. Sekarang, kita (Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri) belanja banyak wang untuk keselesaan rakyat.

“Kerana ubah kerajaan (semasa Pilihan Raya Umum Ke-12) lepas, pasar pun ubah (dinaiktaraf). ”



TEE Yeow Ching (kiri) dan pembantunya.

“Untuk projek naiktaraf pasar-pasar awam, kita (Kerajaan Negeri) telah belanja RM12 juta dan kita akan belanja RM12 juta lagi untuk naiktaraf pasar awam paling awal di Pulau Pinang, iaitu Chowrasta,” ujar beliau sebelum melawat serta menyerahkan apron kepada warga penjaja di pasar itu.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha bagi MPPP) turut berucap pada majlis rasmi itu.

Hadir bersama, ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo, Law Heng Keang (Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan) serta beberapa Ahli Majlis MPPP lain.

Kon Yeow pula berkata, MPPP diharap meneruskan kesemua projek naiktaraf pasar awam yang dirancang kelak demi keselesaan rakyat tanpa perlu mengira pihak mana sekalipun memerintah Kerajaan Negeri selepas pilihanraya umum nanti.

“Sudah pun 15 projek (naiktaraf pasar awam) disiapkan (di pulau dan Seberang Perai). Ada lagi projek akan disiapkan.

“(Justeru), untuk projek-projek akan datang, saya harap MPPP teruskan projek lain, sama ada kami (Pakatan Rakyat) akan pulang mentadbir negeri atau tidak, demi keselesaan rakyat,” ujar beliau.

Tiada pokok dicantas bagi laluan basikal mesra

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GELUGOR – Hampir 40 peratus pembinaan laluan berbasikal sepanjang dua kilometer (km) di Taman Linear, (bersebelahan persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Jambatan Pulau Pinang I) siap sejak Disember tahun lalu.

Taman Linear, The Light Waterfront dibina oleh IJM Land Berhad mempunyai laluan berbasikal yang mesra alam sekitar turut dilengkapi dengan laluan pejalan kaki (yang kini siap hampir 30 peratus), pokok-pokok dan batu-batu hiasan yang bukan sahaja menyamankan, malah saujana mata memandang.

Pengurus Besar IJM Land Berhad (Wilayah Utara), Toh Chin Leong berkata, laluan berbasikal tersebut menelan belanja kira-kira RM4.5 juta.

“Apabila siap kelak, laluan berbasikal sejauh 4.18 km (dari Sungai Gelugor) akan bersambung dengan laluan berbasikal sedia ada sejauh 2.03 km berhampiran Persiaran Bandar Sri Pinang dan menjadikan jumlahnya 6.2 km.

“Laluan berbasikal yang berkeluasan 2.4 meter (minimum) merupakan laluan berbasikal yang komprehensif mengikut garis panduan Kategori 1,” katanya ketika memberi taklimat ringkas berhubung pelaksanaan projek tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu, ADUN Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Chin Leong menerangkan, pada masa hadapan, IJM akan turut membina laluan berbasikal sejauh 3.7 km dalam kawasan The Light Waterfront yang menghubungkan laluan Persiaran Bandar Sri Pinang.

“IJM juga akan membina 2.8 hektar taman tepi laut dan 2.4



LALUAN berbasikal di Taman Linear The Light Waterfront yang mesra alam sekitar.

hektar taman dalam Fasa 2 pembinaan The Light yang menghubungkan laluan berbasikal ini.

“Setelah siap sepenuhnya, ia (taman dan laluan berbasikal) akan diserahkan kepada MPPP untuk tujuan selenggaraan,” katanya.

Tambah Chin Leong, perancangan teliti telah dibuat bagi memastikan pembinaan laluan berbasikal tersebut tidak mengganggu ekosistem dan pokok sedia ada.

“IJM akan memastikan tiada pokok yang dicantas bagi membolehkan pengayuh basikal menikmati keindahan alam sekitar yang semulajadi,” ujarnya.

Pembinaan laluan berbasikal tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri (dengan kerjasama MPPP) dalam Pelan Induk Laluan Berbasikal (Bicycle Trail Masterplan - BTM) yang bakal siap sepenuhnya menjelang 2015.

NRW PBAPP 17.6%, terendah dalam negara

GEORGE TOWN – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) berjaya menurunkan kadar Air Tidak Terhasil (Non-revenue Water -NRW) dari 18.4 peratus pada tahun 2011 ke 17.6 peratus tahun lalu.

Kadar peratusan ini adalah yang terendah di Malaysia di mana purata NRW adalah 36.7 peratus (mengikut *Malaysia Water Industry Guide*). Hal ini sekaligus menunjukkan PBAPP adalah badan berkuasa air yang ulung di Pulau Pinang.

PBAPP telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan NRW (pembaziran air) antaranya, mekanisme pengawasan air di sesuatu sistem perpaipan dan mempertingkatkan kebolehan untuk menampung permintaan air dalam pelbagai industri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP berkata, semua pihak harus sedar dan perlu terus mempertingkatkan pencapaian demi memastikan faedah serta manfaat untuk semua kakitangan juga dapat dipertingkat.

“Sudah semestinya, sebuah syarikat akan berkongsi secara bersama setiap keuntungan yang dituai hasil titik peluh kakitangan menerusi imbuhan sewajarnya,” ucapnya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kolektif antara PBAPP dan Kesatuan Kakitangan PBAPP serta Kesatuan Pekerja-pekerja PBAPP di sini baru-baru ini.

Perjanjian kolektif kelima itu berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2014.

Tambah Guan Eng, berdasarkan tempoh rundingan perjanjian tersebut (iaitu sejak 2012) menunjukkan ianya bukanlah suatu proses persetujuan yang mudah.

“Oleh demikian, saya ingin

mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza kerana banyak membantu pihak pengurusan dan kesatuan untuk mendapatkan suatu penyelesaian bagi setiap permasalahan yang timbul.

“Di sini juga saya ingin menekankan bahawa dalam setiap isu yang dibincangkan, keharmonian tetap diutamakan oleh kedua-dua pihak.

“Saya berharap pihak kesatuan selepas ini akan terus memberi sokongan kepada setiap inisiatif dan program yang telah dirancangkan pihak pengurusan yang mendapat sokongan Lembaga Pengarah bagi memastikan komitmen dititikberatkan dalam penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan dan pengguna di Pulau Pinang,” ujar beliau.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa, Yang diPertua Kesatuan Kakitangan PBAPP, T.R Mohamad Mydin dan Yang diPertua Kesatuan Pekerja-pekerja PBAPP, Zulkafli Hussin.

Menurut Guan Eng, gaji minimum RM1,100 sebulan yang dicadangkan membuktikan Pakatan Rakyat (PR) komited dalam membantu pekerja dan majikan tempatan berbanding pekerja asing.

Malah, ianya berbeza dengan Barisan Nasional (BN) yang lebih mementingkan pekerja asing dengan menetapkan gaji minimum adalah RM900 sebulan, di mana pekerja asing turut menikmati kadar gaji minimum sama dengan rakyat Malaysia. “PR bertindak adil kepada pekerja warganegara bukannya pekerja asing seperti dilakukan BN,” tegaskan.

Pangsapuri Mayang dicat semula

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Penantian selama 10 tahun penduduk Pangaspuri Mayang, Bayan Baru di sini bagi mengubah penampilan usang dua blok bangunan berakhir apabila Majlis Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula diadakan baru-baru ini.

Kerja-kerja tersebut berjaya dilaksanakan atas semangat kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Pengurusan (MC) Pangaspuri Mayang yang dibina pada 1992.

Pengerusi Persatuan Penduduknya, Watson Lim, gembira dengan penyerahan rasmi penyiapan kerja-kerja cat tersebut yang sekaligus menamatkan penantian kira-kira 120 penghuni unit kediaman di dua blok bangunan pangaspuri berkenaan.

“Kami sebagai penduduk gembira dengan perubahan ini setelah menanti 10 tahun. Bukan sahaja bangunan kini ceria, malah, keselamatan dan persekitaran juga turut meningkat serta selesa.

“Pada masa sama, taraf kehidupan penduduk di sini (Pangsapuri Mayang) semakin meningkat. Jika dulu sebelum bangunan dicat semula, harga rumah di dalam lingkungan RM120,000, tetapi kini, telah melonjak naik kepada hampir RM240,000,” ucapnya pada Majlis Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula Pangaspuri Mayang, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan



PARA penduduk Pangaspuri Mayang, Bayan Baru bersama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus pada Majlis Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula pangaspuri berkenaan di sini baru-baru ini.

Lim Guan Eng, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin.

Guan Eng berkata, kerja-kerja pengecatan pangaspuri adalah melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM247,000, di mana sebanyak RM197,600 (80 peratus) ditanggung PDC manakala bakinya, RM49,400 (20 peratus) oleh MC.

“Pangsapuri Mayang merupakan projek kedua PDC yang mana kerja-kerja pengecatan semula diselesaikan atas konsep perkongsian kos antara dua pihak.

“Projek pertama adalah membabitkan Pangaspuri Mahsuri, Bayan Baru,” jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, pihak PDC kini sedang menjalankan kerja-kerja pengecatan semula di Kompleks Jalan Kedah dan turut merancang untuk meneruskan inisiatif berkenaan di projek-projek pembangunan PDC lain termasuk di Bukit Jambul dan Gat. Lebuh Macallum di sini atas dasar perkongsian kos bersama.

Agenda perumahan negeri lebih komprehensif

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Baru-baru ini Exco Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai menegaskan bahawa polisi perumahan yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) adalah lebih komprehensif dan agresif berbanding tumpuk pentadbiran sebelum tahun 2008.

Malah, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM500 juta khusus untuk pembinaan rumah mampu milik berjumlah 19,172 unit di seluruh Pulau Pinang.

“Ia amat berbeza jika dibandingkan semasa Barisan Nasional (BN) memerintah kerana tiada dana yang diperuntukan untuk membina rumah mampu milik antara tahun 2000 - 2008.

“BN juga dalam tempoh tersebut (2000 - 2008) membiarkan rumah kosong terbiar, tidak mengemaskini pengkalan data perumahan dan ada projek-projek perumahan yang dibiarkan terbengkalai,” katanya pada

satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, komitmen Kerajaan Negeri kini bukan sahaja memulihkan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai, malah turut membina rumah-rumah kos rendah serta kos sederhana rendah dan mengemaskini pengkalan data perumahan bagi membolehkan orang ramai mengemaskini data peribadi serta pembelian rumah melalui atas talian.

“Projek-projek terbengkalai seperti Taman Cemerlang (Bandar Baru Air Itam), Fettes Villa (Mount Erskine), Taman Telok Air Tawar (Seberang Perai Utara), Taman Pektra (Seberang Perai Selatan) dan Desa Aman (Relau) telah lebih 10 tahun tanpa ditangani BN.

“Begitu juga membaikpulih 170 unit di Padang Tembak dan memberi keutamaan menyewa kepada golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah dengan kadar sewaan serendah RM90 sebulan.

“Malah, Taman Pelangi (George Town), Desa Wawasan (Bukit Mertajam) dan projek Freesia (Balik Pulau) adalah antara projek yang bakal dibaikpulih dalam tempoh terdekat ini,” jelasnya.

Dalam pada itu, Hon Wai turut menyatakan rasa kecewa dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan BN dalam Bajet 2013.

“Hanya 70 unit rumah akan dibina di Pulau Pinang iaitu 0.35 peratus daripada jumlah 20,454 unit rumah yang telah diperuntukan di seluruh negara.

“Ini jelas membuktikan Kerajaan Negeri PR sudah mengotakjanjinya dalam agenda perumahan mampu milik dan akan terus menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC),” jelas beliau.

Hon Wai berkata, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar syarat 30 peratus

pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana untuk kontraktor swasta dalam usaha memperbanyak lagi rumah kos rendah di Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menjalankan kempen pendaftaran minat untuk 1,320 unit rumah di Jalan S.P. Chelliah dan 12,000 unit rumah di Batu Kawan.

“Sambutan amat menggalakkan dalam tempoh sebulan kempen tersebut iaitu dari 7 Februari ke 7 Mac lalu, seramai 17,000 pemohon telah menghantar borang.

“Di sinilah integrasi pengkalan data yang dilaksanakan antara sistem perumahan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pejabat tanah memainkan peranannya dengan membuat tapisan supaya mereka yang memiliki rumah dapat dikesan dan tawaran tidak akan dibuat kepada pihak terbabit,” jelasnya lagi.

Kemudahan PPR kini ibarat ‘first class’ bawah PR

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKFILI**

GEORGE TOWN – Setelah lima tahun mentadbir Pulau Pinang, terbukti bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) sememangnya begitu peka dengan isu penempatan rakyat terutamanya membaikkan golongan berpendapatan rendah di sekitar Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai, Sungai Pinang di sini.

Melalui maklum balas Pengurus Flat PPR Jalan Sungai, Shaifful Sham Salleh, 38, yang bertugas sebagai pemandu peribadi, menyatakan bahawa secara keseluruhan beliau amat puas hati pendekatan diambil Kerajaan Negeri.

“Perbezaan ketara dapat dilihat dan dirasa di sini.

“Pentadbiran dahulu agak sedikit ‘lepas tangan’. Bila ada kepentingan politik baru mereka datang. Kalau hendak cakap bab pemantauan lagi susah nak datang,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Majlis Pelancaran Projek Mengecat Flat dan Projek Tempat Rekreasi PPR Jalan Sungai di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan



KEADAAN Mohd. Rozi Ismail terlantar koma sejak Disember 2012.

memberi suntikan.

“Tak sampai seminit pun, suami tiba-tiba kejang, kelopak mata tergulung dan mulut berbuih-buih, tetapi doktor kata suami saya kena sawan,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Ternyata cemas dengan keadaan suaminya, Aziatul Akma meminta penjelasan daripada doktor bertugas, namun hampa apabila doktor mengesahkan bahawa suaminya pengidap epilepsi (sawan).

Akhirnya beliau membuat keputusan untuk membawa suaminya ke Hospital Pulau Pinang (HPP) pada malam itu juga dan doktor bertugas mengesahkan bahawa suaminya tersalah ubat.

“Setahu saya suami saya memang bukan pengidap epilepsi.

“Jantung dia ‘stop’ (berhenti) lepas kena suntik tapi doktor swasta berkenaan cakap tak ada apa-apa,” jelasnya.

Tambah Aziatul, beliau yang sebelum ini bekerja sebagai operator pengeluaran di salah sebuah kilang di Bayan Lepas kini terpaksa berhenti kerana menjaga suaminya.

“Kini, saya mengharapkan bantuan saudaramara dan jiran-jiran sepenuhnya untuk menguruskan suami serta tiga anak, Nurul Ainul Mardhiah, 11, Nurul Syazwana, 10 dan Mohammad Rozairi Iskandar, 4,” ujar beliau.

“Lepas Isyak sekitar jam 10 malam, apabila

Eng, barisan Exco Kerajaan Negeri. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Koid Teng Guan dan Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Projek inisiatif MPPP untuk menaiktaraf prasarana kawasan PPR tersebut turut bakal menempatkan kelengkapan outdoor gym untuk kegunaan semua penduduk di sini. Malah, tambah membanggakan adalah, ia merupakan kali pertama flat terbabit bakal dicat semula setelah kira-kira 12 tahun.

Tambah beliau, fasiliti dan kemudahan PPR di sini juga semakin baik dan ibarat ‘first class’ setelah ditadbir Kerajaan Negeri PR.

“Kalau dengan yang dahulu tu, seingat saya kabel kelima-lima lif tu memang tunggu masa hendak putus sahaja.

“Tapi Alhamdulillah, bila PR ambil alih, kesemua kabel lif ditukar. Kamera litar tertutup (CCTV) jugalah dipasang bagi mengurangkan kadar jenayah dan terbaru, flat di sini turut dicat semula,” ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau juga menzahirkan sedikit sebanyak harapan untuk menjadikan penempatan di PPR supaya lebih baik dan ‘bermaruah’ supaya tidak dianggap sebagai penempatan kelas kedua.

“Saya menyeru pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya bekerjasama dengan lebih erat bersama penduduk dalam menangani isu-isu di PPR.

“Sebagai Pengurus PPR, saya harus menjaga hubungan kedua-dua pihak. PBT haruslah memainkan peranan lebih meluas kerana kuasa di tangan mereka. Sebagaimana di luar negara, PBT dilihat lebih mengutamakan tanggungjawab mereka kepada bangunan seliaan,” jelas Shaifful Sham.

SHAIFFUL Sham Salleh.



Jajaran lebuhraya bakal dibaikpulih

Oleh: **WATAWA NATAF
ZULKIFLI**

PANTAI JEREJAK – Bagi menjamin keselamatan pengguna jalanraya di beberapa jajaran Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu lingkungan Queensbay ke Pantai Jerejak di sini, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turun padang bagi meninjau sendiri keadaan laluan yang didakwa tidak terurus serta rosak.

Turut serta dalam lawatan tersebut adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Exco Kerjaraya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) Dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng dan Jurutera Daerah Barat Daya, Azmil Mokhtar.

AbdulMalik yang menggunakan laluan tersebut setiap hari menyatakan bahawa, antara punca kerosakan jajaran berkenaan



KEADAAN longkang yang tidak diselenggara dengan baik sehingga menyebabkan kejadian banjir.

adalah ekoran kadar kenderaan yang padat di sini.

“Kalau kita lihat kadar trafik di sini bermula 6 pagi hingga 9 pagi dan 5 petang hingga 8 malam, ianya begitu sibuk dengan kenderaan termasuk kenderaan-kenderaan berat ekoran ianya merupakan laluan utama menghubungkan Zon Perindustrian Bebas (FTZ).

“Pada masa sama, jalan juga

sering dilanda banjir akibat longkang yang tidak diselenggara dengan sempurna. Malah, percikan air yang terkena kenderaan lain pada kadar yang banyak ketika berlakunya banjir juga boleh mengakibatkan kejadian kemalangan terutamanya kepada para penunggang motorsikal,” katanya pada sesi lawatan khas tersebut di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hock Seng



STRUKTUR penghadang pada tahap tidak sama dipercayai kesan dair pada mendapan.

dalam reaksinya turut menyatakan bahawa projek menaiktaraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu yang akan bermula sejurus selepas Jambatan Kedua Pulau Pinang siap bukanlah satu alasan jajaran tersebut tidak diselenggara dengan baik.

“Projek menaiktaraf yang dicadangkan bakal melibatkan laluan dari Jambatan Kedua Pulau Pinang hingga ke jambatan sedia ada dan laluan dari jambatan sedia ada hingga ke Teluk Kumbar.

“Tiga persimpangan bertingkat (*flyover*) turut akan dibina bagi mengelakkan para pengguna jalan

berhenti pada lampu isyarat di Kawasan FTZ. Pelebaran kepada tiga lorong turut akan dilakukan,” jelas beliau.

Sementara itu, Azmil menyatakan bahawa JKR Barat Daya baru saja menerima peruntukan untuk membaiki segala kesulitan di kawasan ini.

“Sebanyak RM450,000 telah kami terima daripada JKR pusat.

“Kerja-kerja baik pulih akan dijalankan pada bulan Mac ini juga. Dijangkakan kerja-kerja ini akan memakan masa lebih kurang tiga bulan untuk disiapkan,” ujarnya.

Pucuk pimpinan sumbang Tabung Pesakit Dialisis



MANSOR Othman (tiga dari kiri) berjabat tangan dengan salah seorang hadirin pada Majlis Makan Malam Kutipan Dana Untuk Tabung Pesakit Dialisis di sini baru-baru ini.

AMAL... Timbalan Ketua Menteri I, Datuk mansor Othman menyeru rakyat Pulau Pinang supaya sentiasa menjaga kesihatan demi merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius aspek kesihatan rakyat Pulau Pinang kerana ia merupakan satu aset penting untuk sama-sama membangunkan negeri ini.

Beliau berkata demikian semasa menghadiri Majlis Makan Malam Kutipan Dana Untuk

Tabung Pesakit Dialisis di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Tujuan penganjuran adalah bertujuan mengutip dana bagi membantu menampung kos rawatan pesakit selain meluaskan lagi skop operasi badan amal berkenaan.

Bagi menunjukkan sokongan terhadap usaha murni badan amal tersebut, beliau, Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy masing-masing turut menyumbangkan sumbangan masing-masing.

Pemindahan penduduk S.P. Chelliah ditangguh

Oleh: **MOHD. HAFIZ
TAJUDIN**

GEORGE TOWN – Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail baru-baru ini mengumumkan bahawa pemindahan penduduk di Jalan S.P. Chelliah ke Flat Taman Sri Pinang ditangguhkan sehingga flat berkenaan siap diselenggara.

Menurut Patahiyah, tarikh awal pemindahan penduduk telah dijadualkan pada 31 Januari lalu. Walau bagaimanapun, ia terpaksa diubah berikutan Flat Taman Sri Pinang perlu diselenggara terlebih dahulu bagi menjamin keselamatan serta keselesaan penduduk terlibat.

“Pihak MPPP akan berbincang lebih lanjut dengan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebelum mengumumkan tarikh sebenar pemindahan berkenaan akan dijalankan,” jelasnya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye.



PATAHIYAH Ismail (kanan) dan Ang Aing Thye pada majlis sidang media berhubung pengumuman penangguhan pemindahan penduduk di Jalan S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.

Menurut Patahiyah, pemindahan tersebut adalah susulan daripada pembinaan projek rumah mampu milik Kerajaan Negeri oleh PDC yang akan dibina di Jalan S.P. Chelliah, manakala di bahagian Seberang Perai adalah membatikan Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT).

“Penduduk di S.P. Chelliah tidak perlu tergesa-gesa untuk berpindah. Kita mungkin akan tangguh tarikh pemindahan sehingga selesai pilihanraya umum kelak,” tambahnya.

Sebanyak 1,320 unit rumah di bawah projek rumah mampu milik akan dibina oleh PDC di Jalan S.P. Chelliah dan 520 unit bagi Fasa 1 Bandar Cassia, Batu Kawan.

Melawan Rasuah dan Persepsi Rasuah

KETELUSAN adalah antara ciri penting pemerintah yang demokratik – dengan erti kata lain tidak mungkin wujud pemerintah yang demokratik tanpa adanya ketelusan. Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan pendedahan satu video yang diterbitkan oleh *Global Witness* – sebuah NGO berpangkalan di London yang menyiasat dan berkempen menentang pencabulan hak asasi alam sekitar dan manusia – berkenaan penyalahgunaan lesen pembalakan oleh keluarga Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Video selama 15 minit tersebut menunjukkan seorang lelaki asing menyamar sebagai ahli perniagaan yang berminat untuk melabur di Sarawak dan telah dibawa berjumpa dengan beberapa orang yang dikaitkan dengan keluarga Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Terlebih dahulu, penulis mahu lakukan penafian, bahawa tulisan ini tidak bertujuan untuk membenarkan dakwaan *Global Witness* dan tidak juga berminat untuk membela Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Sebagai rekod, sehingga artikel ini disiapkan, Taib telah menjadi perkataan yang ‘trending’ di Twitter – ertiinya, ramai yang membicarakan isu

ini. Tetapi, entah mengapa penulis tidak menemui satu pun berita mengenainya di media arus perdana (kecuali Astro, itupun hanya laporan penafian oleh Taib Mahmud), terutamanya, Utusan dan TV3. Tambahan pula Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam responnya mengatakan, video ini hanya bertujuan memburuk-burukan beliau dan berniat politik. Akan tetapi sukar untuk kita menafikan terdapat persepsi yang kuat bahawa terdapat gejala rasuah di Sarawak dan di Malaysia. Persoalannya, adakah cukup dengan penafian ini semata-mata?

Mengapa Timbulnya Persepsi Rasuah di Sarawak?

Tan Sri Abdul Taib Mahmud sudah tentu berhak untuk membela diri dan membuktikan bahawa video ini hanya berniat jahat. Namun, apakah usaha yang telah beliau lakukan untuk membuktikan dirinya bersih dan sesuci lampin bayi? Tuduhan rasuah ini bukan kerana semata-mata beliau Taib Mahmud, dan bukan hanya kerana beliau pemimpin Barisan Nasional, tetapi kerana urus tadbir negeri Sarawak di bawah pendbiran beliau tidak memiliki unsur ketelusan. Jangan salah faham, bukan penulis mengatakan Ketua Menteri Sarawak seorang yang tidak baik, penulis hanya

Serambi
PENANG
INSTITUTE

katakan bahawa Taib Mahmud membenarkan masyarakat untuk menyangka beliau seorang yang korup.

B a g i m e m u d a h k a n
kefahaman ini, izinkan penulis
bawakan satu analogi yang
mudah. Jika kita dapati seorang
lelaki dan perempuan berdua-
dua di dalam sebuah bilik yang
tertutup rapat, sedangkan
mereka b o l e h s a h a j a
membiarkan bidai jendela dan
pintu terbuka, pasti akan timbul
syak yang besar. Tambah aneh,
apabila beliau keluar daripada
bilik itu, beliau marah-marah
pula kerana orang di sekeliling
mula bercakap-cakap tentang
perlakukannya. Malah beliau
pula tuduh orang di sekitarnya
mempersoalkan budi pekerti
beliau dan berniat jahat. Ya,
mungkin juga beliau benar,
tiada apa-apa yang berlaku
antara beliau dengan gadis itu
di dalam bilik tersebut. Tetapi
mengapa beliau membenarkan
orang di sekeliling memandang
serong pada beliau?

Lalu apa kaitannya dengan kes Sarawak ini? Dalam kes Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud mempunyai kuasa untuk menjadikan sistem

pemerintahan di negerinya lebih telus, seperti mana pemuda di dalam bilik itu mempunyai kemampuan untuk memastikan bida jendela dibuka. Namun malangnya beliau kelihatannya tidak berminat untuk melakukannya mengapa?

Skandal Sarawak Tidak Akan Berlaku di Pulau Pinang

Penulis sangat yakin Pulau Pinang tidak mungkin akan berdepan persepsi rasuah seteruk Sarawak. Kenyataan ini bukanlah bermakna penulis mengatakan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang lebih alim berbanding dengan Ketua Menteri Sarawak. Sebagaimana analogi yang diberikan pada bahagian awal, ini bukan soal individu, tetapi struktur dan sistem pentadbiran yang diwakili apabila sesuatu pentadbiran itu mengatakan mereka mengamalkan ketelusan, bererti mereka berani untuk diperiksa dan membenarkan sistem mereka diperiksa. Dalam kes Pulau Pinang, bagi meningkatkan ketelusan dan keyakinan awam, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan beberapa langkah yang sebahagiannya tidak pernah dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan di negara ini, antaranya;

1. Menguatkuasakan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri dan EXCO.
 2. Melaksanakan tender terbuka.
 3. Tidak membenarkan ahli keluarga untuk melibatkan diri dalam kontrak kerajaan.

nya yang berlaku di Sarawak? Bagi penulis terdapat dua sebab utama mengapa skandal di Sarawak tidak akan berlaku di Pulau Pinang; Pertama, pastinya kerana Pulau Pinang tidak mempunyai balak, maka Pulau Pinang pasti tidak akan berlaku.

tidak menghalang pasti tidak akan terlibat dalam skandal lesen pembalakan! Duanya – yang lebih mustahak – pentadbiran Pulau Pinang sentiasa mengamalkan ketelusan; sentiasa membiarkan pintunya terbuka agar orang ramai dapat melihat apa yang berlaku. ‘Pintu yang terbuka’ ini mempunyai dua tujuan; membina persepsi yang baik dan yang paling penting, mengurangkan kemungkinan untuk berlakuknya perbuatan penyelewengan – umpama pemuda dan gadis di dalam bilik dengan pintu yang

Takayat.

Hasilnya, Pulau Pinang telah diiktiraf sebagai kerajaan yang cekap dan bersih oleh organisasi audit dalam dan luar negara seperti Ketua Auditor Negara dan *Transparency International*. Mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu serius dalam memastikan adanya ketelusan dalam sistem pentadbiran. Pastinya kerajaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari bahawa tanpa adanya ketelusan, tidak akan wujud kerajaan yang demokratik.

PEMIMPIN-pemimpin ASEAN di Persidangan Gabungan Tatakelola Pentadbiran Bersih ASEAN yang julung kali dianjurkan *Penang Institute*.



Mohd. Hariszuan bin Jaharudin
Pegawai Eksekutif Penang Institute

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Dato' Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Dato' Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Sim Tze Tzin simtzetzin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Dato' Tan Hock Leong hltan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501522 (F) 04 - 2501523
BAGAN DALAM YB Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Ong Khan Lee jason_okl@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapee adunun.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Ng Wee Aik ngeweeaikepenang.gov.my; nweeaike@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Dato' Hj. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Raveentharan a/l Subramaniam  dunbatubatan@gmail.com raveenkeadilan@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 226 6482 (F) 04 - 228 8514

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Dato' Haji Azhar Ibrahim	(T) 04 - 310 3100 (F) 04 - 323 8017
BERTAM YB Hajah Zabariah Wahab	(T) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Dato' Haji Roslan Saidin	
PERMATANG BERANGAN YB Haji Shabudin Yahya	(T) 04 - 573 4630 (F) 04 - 570 1997
SUNGAI DUA YB Dato' Haji Jasmin Mohamed	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Dato' Hjh. Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 3675 (F) 04 - 351 4389
SEBERANG JAYA YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah arif@arifshah.com	(T) 04 - 398 0185
SUNGAI ACHEH YB Dato' Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad	
PULAU BETONG YB Sr. Haji Muhamad Farid Saad	
TELUK BAHANG YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain dilberfami@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad hadiputra78@yahoo.com	(T) 019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Zahadi Mohd zahadi55@yahoo.com	(T) 019 - 507 3828
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@ymail.com	(T) 017- 427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abjtengkuh@gmail.com	(T) 04 - 390 5109 (F) 013 - 489 3227 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hiwandy@yahoo.com	(T) 012 - 4735774 (F) 04 - 582 7648
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956 (F) 04 - 6588152
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuahtismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500 (F) 04 - 866 8618
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hamid@gmail.com	(T) 016-400 6462

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999
BOMBA	994
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
PENYELAMAT	991
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957
NEGERI	
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342
Putus Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-397 1058
EPF	04-226 1000
SOCSCO	04-238 9888
The Befrienders	04-281 5161

JPJ	04-656 4131 04-398 8809
JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
PUSAT INFO PELANCONG	04-261 4461
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
(BUTTERWORTH)	04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
JABATAN BURUH	04-262 5536
PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/
PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS**

N1	Penaga	: 019 - 470 4800	- Rosidi Hussain	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 513 6761	- Fernie
N2	Bertam	: 012 - 348 5275	- Ab. Halim Hamid	N23	Air Putih	: 04 - 829 0614	- Chiam Heng Hock
N3	Pinang Tunggal	: 019 - 437 2887	- Muhasdey	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 3691	- Nancy Lim
N4	Permatang Berangan	: 019 - 510 2633	- Arshad Md. Salleh	N25	Pulau Tikus	: 012 - 488 3227	- Joe
N5	Sungai Dua	: 019 - 507 3828	- Zahadi Mohd	N26	Padang Kota	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6	Telok Air Tawar	: 017 - 427 1581	- Salehin Mohamed	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 437 1522	- Wang Lai Kin
N7	Sungai Puyu	: 012 - 528 8411	- Ng Ya Ling	N28	KOMTAR	: 012 - 412 6284	- Adreena
N8	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29	Datok Keramat	: 012 - 410 6566	- A. T. Ong
N9	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N30	Sungai Pinang	: 010 - 464 3308	- Anna
N10	Seberang Jaya	: 013 - 489 3227	- Abdul Jalil Che Ros	N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Ooi Gaik Heoh
N11	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal	N32	Seri Delima	: 012 - 486 2552	- Mr. Lingam
N12	Penanti	: 04 - 522 1463	- Suhaimi Bin Mansor	N33	Air Itam	: 012 - 493 3648	- Teh Choong Kong
N13	Berapit	: 019 - 481 7823	- Ong Kee Seong	N34	Paya Terubong	: 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N14	Machang Bubuk	: 019 - 546 3257	- Rynu	N35	Batu Uban	: 017 - 541 3017	- Pamela Shalini
N15	Padang Lalang	: 04 - 502 5071	- Ooi Zhen Chee			: 014 - 743 4077	- Akmal Komal
N16	Perai	: 012 - 339 3479	- Pn. Rajalethchumi	N36	Pantai Jerejak	: 019 - 443 2088	- Victor
N17	Bukit Tengah	: 017 - 467 7668	- Lim Tuan Chun	N37	Batu Maung	: 013 - 510 1968	- Latifah
N18	Bukit Tambun	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong	N38	Bayan Lepas	: 019 - 472 6956	- Asnah Bt Hashim
N19	Jawi	: 017 - 408 4784	- Abdul Halim Yunus	N39	Pulau Betong	: 019 - 570 9500	- Hj Md Tuah Ismail
N20	Sungai Bakap	: 012 - 415 2905	- Munir Bin Makhtar	N40	Telok Bahang	: 016 - 400 6462	- Halil Sabri
N21	Sungai Aceh	: 012 - 473 5774	- Hj M. Kamil A Bakar				

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shtewow@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
Cik Tan Xin Ying (DAP)	016 - 553 1987
En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP)	012 - 571 2250
En. Guanalan a/l Sengalaney (DAP)	013 - 485 3128
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04 - 521 1987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019- 408 4899
En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah (NGO)	013 - 414 4822
En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012 - 483 0878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 42822 50
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Lim Siew Khim (DAP)	016 - 531 6026
Lim Cheng Hoe (DAP)	016 - 438 4809
Tan Hun Wooi (DAP)	012 - 488 0409
En. Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Ooi Keat Hin (PKR)	016 - 417 1331
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016 - 422 2142
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04 - 657 7464 (Tel) 012 - 472 8114
Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012 - 472 6725
Encik Teh Lai Heng (DAP)	016 - 445 9808
Encik Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP)	012 - 412 2558
Encik Tan Seng Keat (PKR)	012 - 438 6191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR)	019 - 456 0077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR)	013 - 432 0207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR)	012 - 438 0873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO)	012 - 463 5959
Dr. Lim Mah Hui (NGO)	012 - 422 1880
Encik Sin Kok Siang (NGO)	016 - 422 2255
Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com	016 - 470 7089

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN
AHMAD ADIL BIN MUHAMAD

Jurugrafik:

LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: suaracat@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang April 2013**

6hb - 7hb April 2013
Petronas AAM Malaysia Cub Prix 2013
Stadium Batu kawan



From: Borneo Mushroom
Subject: Good Leader

Dear Sir/Madam,

Salam Sejahtera dan Semoga Sihat,

Saya Ben dari Kuching, Sarawak.

Bagaimana dengan pentadbiran di Pulau Pinang? Saya percaya dibawah pentadbiran YAB Pulau Pinang semakin maju dan pentadbiran semakin mapan. Saya akui saya cemburu dengan rakyat Pulau Pinang kerana mempunyai pemimpin seperti YAB.

YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Saya mengikuti ucapan dalam You tube dan blog YAB dengan rapat (saya harap dapat berjumpa secara bersemuka dengan YAB kelak). boleh dikatakan saya peminat YAB.

Pada pandangan peribadi saya YAB sangat berdedikasi dan sangat lain dari pemimpin2 lain. YAB bekerja tanpa mengira kaum dan agama. Real Leadership.

Walaupun YAB bukan Bumiputera tapi kebijakan Bumiputera di PP dijaga dengan baik. Kalaulah semua orang Cina seperti YAB saya pasti banyak Bumiputera Sabah dan Sarawak akan menyokong penuh pemimpin Cina.(Maaf, bukan rasis). Kami di Sabah dan Sarawak dahagakan pemimpin yang benar-benar berdedikasi, bersih dari rasuah dan bukan penindas.

Saya harap YAB dapat menjenguk kami di Sabah dan Sarawak satu hari nanti. Saya doakan semoga Pakatan Rakyat dapat mengambil alih kerajaan dan seterusnya menuahkan kerajaan yang adil,saksama,bersih rasuah dan memperjuangkan hak dan keperluan rakyat.

Sekian.

Benedict

Iklaneka



Buletin Mutiara boleh diperoleh di :

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Shawal Ahmad:
04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004
shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com



EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow menyempurnakan Majlis Menaiktaraf Kompleks Makan Desa Genting, Balik Pulau sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

GURU Penasihat dan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George's hadir bagi menerima anugerah penghargaan daripada Kerajaan Negeri ekoran kecemerlangan dalam *Singapore International Biomedical Challenge 2013*.



YDP MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail (depan, kiri) bergambar kenangan bersama-sama YDP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif pada Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang bertemakan Wanita Pulau Pinang Bangkit.



KETUA Menteri bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus pada Majlis Penyempurnaan Projek Menaiktaraf Pasar Jalan Kuantan.



EXCO Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong buah flat ekoran inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengelat semula



BARISAN Ahli Jawatankuasa dan penganjur bergambar kenang-kenangan selepas Majlis Pelancaran Penang Sports Calendar Of Events 2013.



g Hon Wai (duduk) memerhatikan aksi ceria para penduduk beberapa flat-flat di bawah Program HAPPY!



LINK KETIGA PULAU PINANG.

JALAN PINTAS LEBUHRAYA TUN DR. LIM CHONG EU - AYER ITAM



CADANGAN TUKARANTARA PADA 2 ARAH DI JALAN SULTAN AZLAN SHAH.

CADANGAN TUKARANTARA TEROWONG DI
SEBERANG PERAI.

Setiap tahun semasa proses merangka belanjawan Persekutuan, kami selalu memasukkan cadangan monorel ke dalam “senarai idaman” tetapi tidak pernah mendapat maklumbalas yang positif. Kerana terdesak, kami telah mengambil pendekatan di luar kotak dengan membayar Rapid Penang untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma di perkarangan bandar warisan George Town – dan usaha ini telah diterima baik. Kami telah pun melanjutkan program ini dengan perkhidmatan bas ulang-alik percuma dari Seberang Perai ke Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas ke Balik Pulau pada waktu puncak. Program-program ini semuanya dibayar oleh kerajaan negeri.

Kerajaan Persekutuan juga enggan memberi maklumbalas apabila kami mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan mengoperasikan perkhidmatan bas sendiri. Sebagai usaha terakhir, kami telah menawar untuk membayar RM10 juta kepada kerajaan Persekutuan untuk perkhidmatan bas percuma di seluruh negeri Pulau Pinang semasa waktu puncak. Cadangan ini juga telah ditolak dengan begitu sahaja.

Walaupun kami lebih suka pilihan pengangkutan awam, hakikatnya adalah pengangkutan awam dalam apa sahaja bentuk merupakan prerogatif di bawah kuasa kerajaan Persekutuan semata-mata. Meskipun dibayai oleh Kerajaan Negeri, tidak ada apa-apap yang boleh dilakukan tanpa kelulusan kerajaan Persekutuan. Oleh itu, tindakan mengulang saranan untuk melabur dalam pengangkutan awam adalah sama dengan tindakan menulis di atas air.

Memandangkan kerajaan Persekutuan berazam untuk mencekkil jalanraya kita, kerajaan negeri Pulau Pinang telah mengambil keputusan untuk bertindak dengan tegas. Kami tidak boleh duduk berdiam sahaja. Oleh itu, kami telah mengambil keputusan untuk memperluaskan rangkaian jalanraya dengan membina jalan-jalan alternatif di kawasan-kawasan yang paling sesak. Pada masa yang sama, Seberang Perai akan dihubungkan ke Pulau untuk merapatkan jurang antara kedua-dua kawasan tersebut serta memastikan bahawa Seberang Perai Utara tidak akan ketinggalan dalam pertumbuhan ekonomi.

Biar Rakyat Yang Menentukan

Projek yang telah diumumkan pada tahun 2011 apabila tender dipanggil ini terdiri daripada sebuah terowong bawah laut sepanjang 6.5km yang menghubungkan Gurney Drive ke Bagan Ajam, jalannya berkelambu 12km dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, jalan pintas 4.2km yang menghubungkan Gurney Drive ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan jalan pintas 4.6km yang menghubungkan Lebuhraya tersebut ke Bandar Baru Air Itam.

Kerajaan negeri telah menganugerahkan tender tersebut kepada Consortium Zenith BUCG, sebuah syarikat kegunaan khas yang telah ditubuhkan sebagai usahasama di antara syarikat tempatan Construction Zenith, China

Surat Terbuka kepada Rakyat Pulau Pinang oleh Ketua Menteri.

Melabur Dalam Masa Depan Agar Anak-Anak Kita Tidak Akan Menjadi Generasi Kesesakan Lalulintas.

Dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (12km)

Terowong dasar laut dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam, SPU (7.2km)
Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (4.2km)

Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (5km)



3 PROJEK LEBUHRAYA DAN 1 TEROWONG LALUAN PENGHUBUNG KETIGA BAGI MENGURANGKAN KESESAKAN TRAFIK DAN MERANCAKKAN PEMBANGUNAN DI SEBERANG PERAI UTARA (SPU), PULAU PINANG.

Demi Kejayaan Masa Depan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang Harus Melabur Dalam Masa Depan Agar Anak-Anak Kita Tidak Akan Menjadi Generasi Kesesakan Lalulintas.

Saya merujuk kepada dakwaan-dakwaan mengelirukan oleh sesetengah NGO dan BN yang menentang cadangan tiga projek lebuhraya dan satu terowong laluan penghubung ketiga yang telah dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui tender terbuka yang kompetitif pada harga RM6.3 billion. Saya harap agar anda akan memberi peluang kepada Kerajaan Negeri untuk menjelaskan rasional di sebalik usaha “terdesak” ini untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dalam kawasan pulau serta memudahkan aliran lalulintas di kawasan Seberang Perai.

Saya menggunakan perkataan “terdesak” kerana dalam 5 tahun pentadbiran kerajaan negeri PR, kami telah mencuba untuk melaksanakan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang. Pada mulanya, kami telah setuju dengan cadangan kerajaan Persekutuan untuk membina monorel yang ditinggikan walaupun kami berasa bahawa sistem trem adalah paling sesuai untuk Pulau Pinang kerana George Town adalah Bandar Warisan Dunia UNESCO.

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat



Takkan syarikat RM2 yang bina?



STADIUM Olimpik Beijing atau dikenali Stadium Olimpik Sarang Burung.

Railway Construction Corporation Ltd (CRCC) bersama Beijing Urban Construction Group, Sri Tinggi Sdn Bhd serta Juteras Sdn Bhd, Beijing Urban Construction Group merupakan sebuah syarikat pembinaan utama dari negara China yang telah membina Stadium Olimpik "Sarang Burung" Beijing, dan CRCC telah membina kebanyakan daripada laluan kereta api di China termasuk laluan kereta api yang tertinggi ke Tibet. Semua syarikat ini bukan syarikat RM2 seperti yang didakwa oleh seseorang pihak.

Tidak Kepada Monorel, Ya Kepada Trem

Sekiranya PR memenangi kuasa di Putrajaya, PR akan cadangkan sistem trem di seluruh negeri untuk menghubungkan Pulau dan Seberang Perai. Monorel yang dicadangkan BN adalah tidak sesuai untuk bandar warisan dunia seperti Pulau Pinang, dan strukturnya yang ditinggikan akan merosakkan keindahan Pulau Pinang. Kerana sistem trem yang bergerak atas tanah adalah sesuai dengan warisan Pulau Pinang, jalani-jalan alternatif baru diperlukan supaya jalan-jalan sedia ada dapat digunakan untuk landasan trem.

Projek monorel BN tidak akan menjadi kenyataan walaupun BN menang di Pulau Pinang atas dua sebab. Pertama, monorel tidak akan diizinkan oleh UNESCO dan pembinaannya akan mengakibatkan kehilangan taraf Bandar Warisan Dunia UNESCO. Kedua, BN tidak pernah menepati janji monorel dahulu yang dibuat oleh Dato' Sri Najib Tun Razak Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2006. Janji ini tidak ditepati juga oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri untuk merealisasikan sistem trem.

Tidak kepada Caj Kemasukan ke George Town, Pulau Pinang

Saya ingin menafikan dengan tegas dakwaan liar bahawa keempat-empat projek naiktaraf jalanraya ini tidak termasuk dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam (PTM). Sebenarnya, perbezaannya hanya dalam isu masa. PTM mencadangkan persiapan terowong menjelang tahun 2025-2030 sementara kerajaan negeri ingin membawanya ke depan ke tahun 2023, iaitu perbezaan 2 tahun sahaja. Tempoh 20 tahun yang diperlukan untuk membina terowong penghubung ketiga ini adalah untuk memenuhi semua keperluan kebolehlaksanaan dan keselamatan termasuk perlindungan alam sekitar. Sekiranya syarat-syarat keselamatan alam sekitar tidak dipatuhi, maka projek itu tidak akan diteruskan.

PR dengan tegas menolak cadangan ekstrim untuk mengenakan caj kemasukan bagi semua kenderaan yang memasuki George Town, Pulau Pinang kerana PR komited kepada pergerakan bebas orang dalam dan dari luar negeri Pulau Pinang. Pengamalan "model Singapura" ini untuk mengurangkan kesesakan trafik adalah elitis kerana menghadarkan George Town kepada penghuni sedia ada dan bersifat diskriminasi kerana memaklumkan hanya orang yang berada dapat memasuki George Town, Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan sedar tentang cadangan projek ini sejak April 2011 apabila kedua-dua Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak dan Premier China Wen Jiabao telah menjadi saksi kepada pertukaran Memorandum Persefahaman yang dihadiri saya di Kuala Lumpur untuk 4 projek lebuhraya dan terowong. Tender terbuka telah dipanggil pada 14.11.2011 dan rundingan awam telah dilakukan pada tahun 2011 untuk memaklumkan rakyat mengenai projek tersebut.

Penilaian dan cadangan untuk pemenang tender tersebut telah dilakukan oleh dua jawatankuasa yang diterajui

Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Farizan bin Darus dan Pegawai Kewangan Negeri Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait tanpa penglibatan Ketua Menteri. Seluruh proses tender telah dijalankan dengan telus dan bertanggungjawab.

Daripada 24 Peserta, Hanya 1 Menentang, 9 Sokong Semenara Yang Lain Ingin Maklumat Tambahan

Bagaimanakah mungkin ia dikatakan bahwa keempat-empat projek ini akan dilakukan dalam masa yang singkat apabila projek lebuhraya pertama hanya akan siap selepas tahun 2017 dan terowong bawah laut menjelang 2023-25? Masa pembinaan yang lama diperlukan untuk memastikan pematuhan kepada keperluan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Kegagalan untuk mematuhi EIA akan bermaksud bahawa 4 projek tersebut tidak akan diteruskan.

Kontrak rasmi masih lagi diperbincangkan dan dijangka akan ditandatangani dalam beberapa bulan yang akan datang selepas pilihan raya dan tidak akan diteruskan jika ditolak oleh rakyat. Input dari raja rundingan awam dan sesi perbincangan "town hall" akan membantu kerajaan negeri untuk memperhaluskan lagi kedudukan apabila kontrak dimeterai dalam beberapa bulan yang akan datang.

Kerajaan negeri menerima baik apabila dalam sesi "town hall" pada 10 Mac 2013, daripada 24 orang yang memberi pandangan hanya seorang sahaja yang menentang. Sembilan telah menyokong manakala 14 yang lain ingin maklumat tambahan. Apa yang perlu diberi perhatian adalah bahawa peserta-peserta muda telah menyokong projek yang dicadangkan dengan sepenuh hati kerana mereka berkata bahawa mereka tidak mahu terperangkap dalam kesesakan lalulintas buat seumur hidup mereka.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berazam untuk memastikan kejayaan masa depan dengan melburu dalam masa depan supaya anak-anak muda kita tidak akan menjadi generasi kesesakan lalulintas.

Bolehkah Teng Chang Yeow Menjelaskan Kenapa BN Menjual Tanah 940 Ekar di Tanjung Pinang Untuk Harga RM1 Sekaki Persegik?

Tambahan pula, harga terakhir tender bukanlah RM8 billion tetapi RM6.3 yang telah dianugerahkan kepada pembida terendah, iaitu Consortium Zenith BUCG Sdn Bhd. Bayaran akan dibuat bukan dengan wang tunai tetapi dalam bentuk 110 ekar tanah tebusguna di Tanjung Pinang. Tanah tebusguna ini telah diluluskan oleh kerajaan negeri BN terdahulu, sepetitmanan mantan Ketua Menteri Putau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon telah menyokong projek separuh terowong dari Tanjung Bungah ke Butterworth.

Dakwaan Teng bahawa tanah tebusguna itu tidak wujud adalah fitnah kerana BN-lah yang telah meluluskan penambakan tanah 940 ekar dengan harga mingejut RM1 sekaki persegi dengan syarat 10% tanah diberi kepada kerajaan negeri. Bolehkah Teng menjelaskan kenapa BN telah menjual tanah tersebut dengan harga yang begitu murah dan tidak masuk akal, iaitu RM1 sekaki persegi? Kerajaan negeri PR Pulau Pinang telah berjaya meningkatkan jumlah tanah yang akan diberi kepada kepada kerajaan negeri daripada 20%, yang akan digunakan untuk membiayai pembinaan 4 lebuhraya utama ini.

Kesesakan lalulintas yang teruk 2 minggu lepas di Jambatan Pulau Pinang Pertama akibat kerja pembakaan telah mengingatkan kita semua betapa perlunya laluan penghubung ketiga untuk masa depan. Sementara 3 lebuhraya baru yang akan mengurangkan kesesakan lalulintas ke Batu Ferringhi, di sekitar George Town serta Bandar Baru Air Itam dan Farlim adalah berdasarkan keperluan, terowong bawah laut ini mempunyai fungsi lain iaitu untuk merangsangkan pembangunan ekonomi Seberang Perai Utara (SPU).

Kerajaan negeri Pulau Pinang tidak akan duduk berdiam dalam isu kesesakan lalulintas dan mengambil jalan senang dengan menyalahkan kerajaan Persekutuan atas kegagalannya untuk menyediakan pengangkutan awam. Kita juga tidak akan mengamalkan pendekatan yang berkisar pada Pulau semata-mata dan sebaliknya akan mengambil pendekatan menyeluruh yang merangkumi keperluan Seberang Perai. Jika ada jambatan yang menghubungkan Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan, patut ada juga penghubung kepada SPU untuk memajukan pembangunan ekonomi.

LIM GUAN ENG

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat

Disar dan dicetak oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Fiesta tingkat penyertaan wanita dalam sosio-ekonomi

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BUKIT MERTAJAM – Dalam usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam landskap sosio-ekonomi negara, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (*Penang Women's Development Corporation* - PWDC) bersama Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita (KIT&W) Seberang Perai Tengah (SPT) mengambil inisiatif mengajurkan Fiesta Keusahawanan Wanita di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, fiesta sehari itu bakal membuka ruang dan peluang kepada wanita untuk menceburi bidang perniagaan dan ekonomi.

“Pada 2011, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyumbang sehingga 32.5 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan ianya semakin berkembang saban tahun.

“Oleh demikian, penglibatan wanita sebagai usahawan dalam PKS bukan sahaja mampu mengubah landskap sosio-ekonomi, malah juga mampu memberi pendedahan mendekati usahawan wanita yang berjaya dari dalam dan luar negara,” ucapnya pada Majlis Perasmian Fiesta Keusahawanan Wanita di sini baru-baru ini.

Tambahnya, asas keusahawanan mempunyai potensi besar dan wanita yang menyimpan hasrat untuk berkecimpung dalam perniagaan perlu merebut peluang yang ada dalam usaha memperkasakan

kebolehan wanita, kemahiran, pengetahuan dan pembinaan kapasiti.

“Asas keusahawanan yang kukuh mampu membawa hasil terbaik.

“Begitu juga dengan cita-cita yang bermula dengan semangat dan jika dipimpin dengan tunjuk ajar sebaik-baiknya ia mampu mengubahnya menjadi realiti,” tambahnya di hadapan kira-kira 200 wanita yang hadir di Dewan MPSP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan, Pengarah PWDC, Norlela Ariffin dan Pengerusi KIT&W Che' Wa Haron.

Kok Fooi menambah, penganjuran fiesta tersebut adalah kesinambungan kejayaan PWDC dan KIT&W dalam

menganjurkan Suara Wanita Permatang Pauh: Dialog Isu Setempat yang diadakan di Penanti baru-baru ini.

“Fiesta ini bakal memberi informasi berguna kepada wanita yang ingin menjadi usahawan dan ianya adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkasakan wanita Pulau Pinang.

“Saya harap penganjuran fiesta ini menjadi platform bermanfaat kepada wanita terutama dalam aspek kewangan, perlesenan dan perancangan perniagaan,” jelasnya.

Turut serta dalam fiesta terbabit adalah agensi-agensi seperti SME Corporation, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Bank Rakyat, *WomenBizSense* dan Bahagian Pelesenan, MPSP.

Kitar semula buku manfaat murid



SOON Lip Chee (barisan kedua, dua dari kanan) bergambar bersama-sama warga murid SJKC Nong Ming selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Buku-buku Akademik Terpakai di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

KEPALA BATAS – Seramai 85 pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Nong Ming, Kepala Batas menerima sumbangan buku-buku akademik terpakai hasil inisiatif Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee di sini baru-baru ini.

Lip Chee memberitahu, beliau turut mengeluarkan sejumlah peruntukan Ahli Majlisnya bagi membeli alatan tulis, kamus serta buku rujukan bagi 85 murid berkenaan.

“Kita sasar satu sekolah tiap-tiap bulan. Ini, sekolah yang ketiga. Sekolah pertama, (SJKC) Chong Hwa dekat Seberang Perai Utara (SPU) dan kedua, (SJKC) Kwang Hwa (SPU),” ujar beliau di perkarangan sekolah berkenaan dekat Bumbung Lima di sini baru-baru ini.

Lip Chee memberitahu, beliau turut mengeluarkan sejumlah peruntukan Ahli Majlisnya bagi membeli alatan tulis, kamus serta buku rujukan bagi 85 murid berkenaan.

“Buku-buku terpakai ini memang boleh dijual untuk dapat 20 sen atau 40 sen atau 60 sen sebuah, tetapi, duit ringgit itu tidak boleh membeli ilmu.

“Di sinilah, nampak manfaat kitar semula buku-buku ini untuk murid-murid,” ujar beliau.

“Buku-buku latihan akademik terpakai ini kebanyakannya masih kosong, jadi kita kutip untuk manfaat murid di sekolah-sekolah luar bandar.

Festival Muzik 30 – 31 Mac

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Festival Muzik Antarabangsa Pulau Pinang 2013 (PWMF) yang merupakan acara pelancongan tahunan negeri bakal memulakan persembahan pada 30 dan 31 Mac ini dengan mempamerkan aksi kehebatan 12 kumpulan pemuzik seluruh dunia di Taman Kuari, Taman Botani di sini.

Exco Pembangunan, Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang berkata, seramai 12 kumpulan dari seluruh dunia akan berkampung di Pulau Pinang dan mempamerkan pelbagai genre muzik.

“Kumpulan-kumpulan pemuzik tersebut adalah MU daripada Portugal, Kimi Djabate (Guinea-Bissau), Nasout (Iran), Alp Bora Quartet (Turki/Austria), Saharadja (Indonesia), Oratniza (Bulgaria), Inka Marka (Amerika), Kalayo (Filipina), Dagaya (Jepun) dan kumpulan Dende (Brazil). Tidak ketinggalan, kumpulan Akasha (Kuala Lumpur) dan Rimba (Sabah).

“Setiap kumpulan akan mempamerkan muzik unik dan bakal menggengarkan Pulau Mutiara dengan rentak muzik yang dialunkan,” ujarnya semasa Perasmian PWMF baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng dalam pada itu berkata, pada tahun 2012, PWMF telah berjaya menarik 10,000 peminat muzik.

“Sambutan yang diterima amat memberangsangkan pada tahun lalu (2012). Pada tahun ini (2013), kita mengharapkan sokongan dan sambutan lebih menggalakkan dengan memberikan kepuasan serta kualiti persembahan yang lebih baik kepada para pencinta muzik.

“Kita berbangga mempunyai begitu ramai pemuzik berbakat di seluruh dunia yang bersatu untuk bersama-sama menjayakan PWMF di Pulau Pinang.

“Ini selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab antarabangsa untuk seni, budaya dan muzik,” ujar beliau.



LAW Heng Kiang (depan, kanan sekali) bersama para jemputan pada majlis pengumuman dan Perasmian PWMF baru-baru ini di sini.

Delegasi Chen Yu erat hubungan dua hala

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini menerima kunjungan hormat delegasi Datuk Bandar dari Kaohsiung, Taiwan diketuai Chen Yu di sini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, lawatan Yu ke Pulau Pinang adalah bagi mempereratkan hubungan dua hala antara kerajaan dan merupakan satu permulaan yang baik memandangkan beliau adalah pejuang demokrasi hebat.

“Beliau merupakan seorang tokoh yang amat memperjuangkan demokrasi di Taiwan.

“Bandar Kaoshiung merupakan bandar kedua terbesar selepas bandaraya Taipei. Malah, beliau kini sedang berusaha menjadikan Kaoshiung sebuah bandaraya yang sesuai didiami sebagaimana George Town di sini,” ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Yu pada sidang media sama turut menceritakan serba sedikit tentang keperitan pengalaman beliau dalam memperjuangkan demokrasi di Taiwan.

“Saya pernah dipenjarakan selama enam tahun dua bulan di Taiwan.

“Sama seperti Ketua Menteri (Guan Eng), kami berkongsi pengalaman yang lebih kurang sama. Agak sukar melakukan perubahan untuk memenangi hati semua orang, malah, kita juga tidak tahu bilakah perubahan akan datang, namun, kita haruslah sentiasa positif serta bertindak berdasarkan kebenaran,” nyata beliau.

Mengulas mengenai Pulau Pinang dan rakyatnya, Yu menyatakan bahawa beliau kagum dengan keharmonian kaum di sini.

“Ini mungkin disebabkan semua rakyat Pulau Pinang sedang mengharapkan perubahan sama ke arah yang lebih positif.



YANG Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kiri) bertukar-tukar cenderamata dengan Chen Yu (dua dari kanan) pada majlis makan malam bagi meraikan beliau serta delegasinya di sini.



CHEN Yu (tujuh dari kiri) bergambar kenangan bersama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersempena lawatan beliau ke sini baru-baru ini.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG DOKUMEN PRA-KELAYAKAN

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai Permintaan untuk Cadangan (*Request For Proposal - RFP*) seperti berikut:-

TAJUK

: **DOKUMEN PRA-KELAYAKAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN CRUISE TERMINAL DI ATAS TANAH KERAJAAN NEGERI DI LOT 4 DAN LOT BERSEMPADAN LOT 4, SEKSYEN 24, BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG, MALAYSIA**

TARIKH DIBUKA : **15 MAC 2013 (JUMAAT)**

TARIKH DITUTUP : **15 MEI 2013 (RABU)**

Dokumen Pra-Kelayakan tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang <http://ep.penang.gov.my/> mulai **15 Mac 2013**.

Dokumen lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Dokumen Pra-Kelayakan Pembangunan Dan Pengurusan Cruise Terminal Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Di Lot 4 Dan Lot Bersempadan Lot 4, Seksyen 24, Bandar George Town, Pulau Pinang, Malaysia**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari pada 15 Mei 2013** kepada :

Sekretariat,
**Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
MALAYSIA**

Dokumen yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

TAJUK : **CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HAB PELANCONGAN PENDIDIKAN DI ATAS TANAH REZAB KERAJAAN NEGERI, LOT 705, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

TARIKH DIBUKA : **1 MAC 2013 (JUMAAT)**

TARIKH DITUTUP : **31 MEI 2013 (JUMAAT)**

Penaja Projek **DIGALAKKAN** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

TARIKH : **20 MAC 2013 (RABU)**

JAM : **10.00 PAGI**

TEMPAT : **LOT 705, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

(BERSEBELAHAN DENGAN TESCO, TANJUNG TOKONG)

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Puan Bharathi A/P Suppiah atau Puan Siti Hajar Binti Abdul Rahim di talian 04-6505554, 04-6505711 dan 04-6505679.

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang <http://ep.penang.gov.my/> mulai **1 Mac 2013**.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Cadangan Pembangunan dan Pengurusan Hab Pelancongan Pendidikan di atas Tanah Rezab Kerajaan Negeri, Lot 705, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari pada 31 Mei 2013** kepada :

Sekretariat,
**Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
MALAYSIA**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

Dewan serbaguna teknologi hijau bakal dibina

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sebuah dewan serbaguna menggunakan teknologi hijau berasaskan panel solar bakal didirikan Kerajaan Negeri dengan usahasama bersama syarikat binaan industri untuk teknologi hijau, EG Buildtech Sdn. Bhd. dan Evergreen Merge Sdn. Bhd. bertempat di Sungai Puyu, Butterworth di sini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, projek tersebut adalah salah satu kaedah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) memaksimalkan penggunaan tanah daripada terbiasa begitu sahaja.

“Di Pulau Pinang, terdapat banyak kawasan tanah tidak digunakan, melalui pembinaan dewan serbaguna berasaskan teknologi hijau ini, ia bukan sahaja membantu dalam isu persekitaran, malahan dewan tersebut juga dilihat dapat memberi manfaat buat penduduk serta komuniti setempat berkumpul bersama untuk aktiviti riadah,” ujarnya ketika menyaksikan Majlis Menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) antara EG Buildtech Sdn. Bhd. dan Evergreen Merge Sdn. Bhd. di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengarah Urusan Evergreen Merge, Fong Tek Mon dan wakil EG Buildtech, Tony Tan.

Boon Poh memberitahu, dewan tersebut bakal beroperasi dengan menggunakan teknologi panel solar yang mana kos menyewa dewan akan menjadi lebih murah apabila tanah digunakan (tapak) adalah dimiliki Kerajaan Negeri dan tenaga diperoleh dari sistem panel solar yang dipasang.

Jelas beliau, terdapat lima kawasan telah dikenalpasti Kerajaan Negeri bagi membangunkan pembinaan dewan serbaguna tersebut.

“Kita telah mengenalpasti lima kawasan. Walau bagaimanapun, kita hanya akan memulakannya di Sungai Puyu terlebih dahulu yang mana saya akan memantau sepanuhnya keberkesanan projek yang bakal ‘digunakan’ sebagai showcase kepada lain.

“Setelah siap, dewan tersebut bakal diuruskan pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai



PHEE Boon Poh menunjukkan lakaran grafik dewan serbaguna berasaskan panel solar yang bakal dibangunkan di sini.

(MPSP) iaitu segala hal, urusan penggunaan dan penyewaan dewan adalah perlu berurusan dengan pihak Majlis,” ujarnya

sambil menyatakan bahawa pembinaan dewan berkenaan akan disiapkan dalam jangka masa enam bulan.

Anguerah Kewartawan Hijau tawar hadiah lumayan

GEORGE TOWN – Buat tahun kedua, Anugerah Kewartawan Hijau 2013 Negeri Pulau Pinang bertemakan isu-isu alam sekitar kembali dengan tawaran hadiah wang tunai bernilai RM26,000 bagi empat kategori penulisan bahasa berasingan di sini.

Turut dipertandingkan adalah Peraduan Video Hijau bertemakan ‘Green Penang, Count Me In’ yang turut mempertaruhkan wang tunai sejumlah RM12,000 kepada tiga pemenang utama.

Kedua-dua penganjuran tersebut adalah hasil kerjasama Kerajaan Negeri bersama-sama Penang Green Council (PGC) bagi memupuk kesedaran akan kepentingan alam sekitar serta menggalakkan wartawan profesional untuk meneroka isu-isu berkaitan melalui penghasilan artikel.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Pengerusi penganjur pertandingan, Ng Wei Aik berkata, hadiah wang tunai bernilai RM26,000 menjadi rebutan untuk empat kategori utama yang dipertandingkan iaitu penulisan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

“Kita menjemput semua wartawan profesional

yang berminat untuk mengambil bahagian kali ini.

“Artikel-artikel yang dihantar perlu disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, portal berita organisasi media antara tempoh 1 April 2012 hingga 30 April 2013.

“Pertandingan adalah dibahagikan kepada dua seksyen iaitu pelaporan berita dan penulisan rencana. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Mei ini,” ujarnya ketika mengumumkan perkara berkenaan pada majlis sidang media di Komtar baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen.

Dalam pada itu, kata Wei Aik, bagi Peraduan Video Hijau, video yang dihasilkan perlu mempunyai ciri-ciri publisiti, kreativiti, pengaruh dan bahan-bahan yang mempromosikan amalan hijau alam sekitar di Pulau Pinang.

“Penghasilan video adalah antara tempoh 1 April 2012 hingga 31 Mei 2013 dan tarikh akhir penyertaan adalah pada 30 Jun ini,” jelas beliau.

Bagi pertanyaan lanjut, sila lawati laman web, greenstate.penang.gov.my atau wwwpgc.com.my atau hubungi 04 – 250 3321.



NG Wei Aik menunjukkan poster pertandingan Anugerah Kewartawan Hijau 2013 Negeri Pulau Pinang dan Peraduan Video Hijau pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

CSR taman rekreasi jimatkan kos MPSP

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

SEBERANG JAYA – Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sejak tahun 2011 bukan sahaja berjaya menaiktaraf beberapa taman rekreasi di Seberang Perai, malah, juga mampu mengurangkan belanja kos pengurusan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee mendedahkan, majlis sebelum tahun 2008 telahpun membelanjakan kira-kira RM11.58 juta untuk memulihara hanya empat taman rekreasi melalui syarikat kontraktor dilantik.

Empat taman rekreasi dimaksudkan adalah Anjung Bagan dekat Butterworth, Taman Bandar (Ampang Jajar, Butterworth), Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian (Butterworth) dan Taman Pantai (Jalan Pantai Butterworth).

Beliau berkata, RM6 juta dibelanjakan untuk menaiktaraf Anjung Bagan pada tahun 2002, Taman Bandar (RM4 juta,

1994), Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian (RM1.2 juta, 1992) dan Taman Pantai (RM380,000, 1990).

Tambah beliau, MPSP turut tiada maklumat perbelanjaan sebelum tahun 2008 bagi lima taman rekreasi lain, iaitu Taman Rekreasi Padang Cempedak dekat Tasek Gelugor, Taman Linear (Seberang Jaya), Hutan Lipur Cheruk Tok Kun (Bukit Mertajam) dan Hutan Lipur Bukit Panchor (Seberang Perai Selatan).

“Sejak tahun 2011, kita memperkenalkan CSR pihak swasta bersama MPSP bagi menaiktaraf semua taman hijau di Seberang Perai.

“Melalui CSR ini, syarikat-syarikat swasta berpeluang menunjukkan komitmen mereka kepada masyarakat, selain, publisiti secara tidak langsung mengenai syarikat masing-masing,” ujar beliau semasa melawat tapak Taman Rekreasi Tunku di sini baru-baru ini.

Hadir bersama, Pegawai Hal Ehwal Masyarakat Kawasan Parlimen Bagan, Krishna Murthy Naidu.



SOON Lip Chee bersama Krishna Murthy Naidu bergambar di pintu masuk Taman Tunku, Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

SEKITAR SAMBUTAN HARI WANITA.

Wanita Pulau Pinang Bangkit – tema khas sambutan Hari Wanita

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Majlis Sambutan Hari Wanita 2013 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan di sini baru-baru ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat (PR) dalam mengiktiraf sumbangan kaum wanita pada aspek politik, ekonomi dan sosial.

Majlis tersebut dijayakan hasil kerjasama beberapa badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), *Women's Centre for Change* (WCC) dan *National Council of Women's Organisations* (NCWO).

Berucap pada majlis pembukaan



LYDIA Ong Kok Fooi (dua dari kiri) dan Betty Chew (enam dari kanan) bersama dif-dif jemputan menunjukkan tanda bagus pada Majlis Sambutan Hari Wanita 2013 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

sambutan tersebut, Exco Belia dan Sukan, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, Kerajaan Negeri menunjukkan komitmen yang tinggi dalam pembelaan hak dan kepentingan kaum wanita di

negeri ini.

“Selama lima tahun sejak 2008, Kerajaan Negeri yang ditadbir PR telah memberikan dana yang kian meningkat bagi menyokong pelbagai program di bawah anjuran MMK Wanita, Keluarga dan



EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow (tengah, berkaca mata, berbaju putih) mengedarkan bunga teluki kepada golongan Hawa di Pasar Chowrasta.

Komuniti.

“Program-program ini bukan bersifat kebajikan, sebaliknya adalah pendekatan bagi memupuk paradigma transformasi yang lestari dan memperkasakan rakyat, khususnya wanita,” ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Wanita 2013 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut hadir ditemani isteri beliau, Betty Chew bagi menyempurnakan sambutan bertemakan, Wanita Pulau Pinang Bangkit.

Menurut Lydia, beliau turut melahirkan rasa bangga dengan penubuhan PWDC yang mula beroperasi sejak Januari tahun lepas dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri bagi menjalankan program-program meliputi dasar dan advokasi gender, kepimpinan dan pemerksaan wanita, bajet responsif gender, jagaan kanak-

kanak, keusahawanan wanita serta lain-lain.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa, Hari Wanita Sedunia dan Peringkat Negeri Pulau Pinang yang disambut pada 8 Mac lalu merupakan hari bersejarah kerana ia juga merupakan ulangtahun kelima Kerajaan PR Negeri Pulau Pinang.

“Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan peka terhadap kepentingan semua rakyat, termasuk wanita, Kerajaan Negeri telah memilih tema khas terbabit untuk sambutan pada kali ini.

“Sesungguhnya, ‘Penang Leads’ dan dari segi pengiktirafan hak serta status wanita, kita mendapat tempat pertama dalam beberapa aspek penting,” ujar beliau.

Dasar dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-Kanak yang telah diluluskan Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini turut dilancarkan pada majlis sama.



ANTARA persembahan tarian bertenaga yang dipersembahkan.



KUNTUMAN bunga teluki disumbangkan kepada golongan wanita oleh Ketua Menteri sebagai tanda penghargaan di Pasar Air Putih di sini baru-baru ini.

Taska di Komtar menjelang Jun

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Sebuah taman asuhan kanak-kanak (Taska) bagi golongan kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah bakal diwujudkan di Komtar pada Jun ini melalui subsidi Kerajaan Negeri sebagai kemudahan kepada penjawat awam di sini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, inisiatif tersebut adalah sebagai tanda sokongan Kerajaan Negeri kepada para penjawat awam di sini.

“Bagi memastikan akses saksama kepada penjagaan yang selamat dan berkualiti, dasar utama Pelan Penjagaan Rasmi Kanak-kanak dan Pelan Tindakan Tiga Tahun (2013-2015) Kerajaan Negeri yang diluluskan baru-baru ini salah satunya adalah untuk mewujudkan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak berdasarkan komuniti serta membantu sektor perkhidmatan penjagaan kanak-kanak swasta.

“Terdahulu, dua pusat penjagaan kanak-kanak telah diwujudkan di Rifle Range, Air Itam dan Taman Serumpun, Berapit sebagai tanda sokongan kepada masyarakat di kawasan tersebut yang majoritinya adalah berpendapatan rendah,” katanya ketika mengumumkan kelulusan pelan berkenaan baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Pusat Kesedaran Wanita (WCC), Loh Cheng Kooi, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita (PWDC), Sri Husnaini Sofjan dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng.

Kok Fooi memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang meluluskan Pelan Penjagaan Rasmi Kanak-kanak dan Pelan Tindakan Tiga Tahun (2013-2015) pertama seumpamanya

digunakan dalam negara bagi membela nasib golongan kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.

“Pelan tersebut adalah bagi mencapai kesejahteraan, keselamatan kanak-kanak, memberikan penjagaan berkualiti, selamat dan berpatutan kepada golongan kanak-kanak dalam lingkungan usia berkenaan,” ujar beliau.

Jelasnya, pelan tersebut adalah satu usaha dalam merealisasikan hak sejagat setiap kanak-kanak bagi menyediakan mereka penjagaan berkualiti, selamat serta berpatutan masa kini.

“Bagi mencapai kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak yang merupakan tunggak masa depan negeri, pelan-pelan ini sedaya-upaya merealisasikan hak sejagat golongan berkenaan.

“Bahkan, pelan ini dilihat dapat meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja yang mana bakal membantu meningkatkan ekonomi negeri dan sekaligus menggalakkan keseimbangan di antara kesihatan, kerja dan kehidupan berkeluarga,” jelas Kok Fooi.



SABUT disusun dengan rapi sebelum dijadikan bahan bakar.



DODOL Mak Munah dikacau menggunakan teknik tangan secara tradisional.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar: IDZHAM AHMAD

PERWATAKANNYA yang ceria membuatkan beliau begitu mudah untuk didampingi.

Malah, kemesraannya turut membuatkan Buletin Mutiara (BM) terpegun meratapi kisah-kisah menarik dalam kehidupan ibu tunggal yang dikurniakan lapan cahaya mata dan kini memiliki 15 cucu.

Lebih dikenali dengan gelaran Mak Munah, dodol tradisional beliau bukan hanya terkenal di pasaran tempatan, malah, turut menembusi pasaran luar negeri seperti Sabah dan Sarawak.

Setiap hari sejak enam tahun lalu, Mak Munah atau nama sebenar, Maymunah Ishak, 55, akan menyiapkan 5 kilogram (kg) dodol bagi memenuhi pasaran tempatan dan juga tempahan luar.

“Mak Munah mula buat dodol pulak 10 pagi hingga 3.30 petang setiap hari.

“Sepanjang tempoh itu, takleh

Mak Munah mesra, ‘semanis’ dodol tradisionalnya

pi mana-mana, kena komited terutamanya jaga api dodol,” katanya ketika ditemui di kediamannya di Guar Kepah, Kepala Batas, Seberang Perai Utara baru-baru ini.

Menceritakan dengan lebih lanjut mengenai pengalaman beliau, Mak Munah memberitahu bahawa keistimewaan dodol beliau adalah ia dibakar dan dikacau menggunakan teknik

tradisional.

“Mak Munah tidak pandai guna mesin dan tidak pernah teringin untuk cuba menggunakan dapur gas.

“Dalam tempoh kira-kira enam jam, dodol dikacau dengan tangan sepenuhnya dan api adalah menggunakan kayu api serta sabut yang ditempah dari orang-orang kampung di sini,” jelas beliau.

Berlandaskan faktor tersebut, maka tidak hairan apabila Mak Munah menyatakan bahawa beliau kini tidak mengidap sebarang penyakit termasuk darah tinggi mahupun kencing manis.

Mak Munah bersenam setiap hari tambahnya!

Dengan tersenyum manis, Mak Munah menyatakan bahawa resipi dodol beliau adalah daripada ibunya sendiri.

Malah, beliau menghabiskan tempoh kira-kira dua hingga tiga bulan untuk betul-betul memahiri teknik pembuatan kuih tradisional berkenaan.

“Bahagian paling susah untuk membuat dodol adalah proses



MAYMUNAH Ishak atau lebih dikenali sebagai Mak Munah.

mengacaunya.

“Api kena sederhana dan kita takleh ‘ralit’. Kalau tidak, dodol akan hangat.

“Malah, minat, disiplin dan sikap sabar adalah faktor penting bagi menentukan kualiti dodol dihasilkan. Kita kena tanam dalam fikiran bahawa kita buat dodol untuk makan sendiri, takleh cincau-cincau,” ujarnya sambil menyatakan bahawa tiada pantang larang khas untuk membuat dodol.

Menjelang musim perayaan, Mak Munah akan sibuk menerima tempahan.

Namun, disebabkan tidak cukup tangan, beliau terpaksa menolak tempahan-tempahan yang tidak dapat dipenuhinya.

Di samping itu, beliau juga mampu menghasilkan dodol lain-lain perisa berdasarkan permintaan para pelanggan.

Selain memiliki perancangan untuk mengupah pekerja tambahan, Mak Munah juga berhasrat untuk membina sebuah bangsal berhampiran kediamannya sebagai lokasi khas mengusahakan perniagaannya yang dilihat semakin luas.

“Kini, dapur dodol adalah terletak bersebelahan dapur. Susah nak keluar masuk. Asap juga masuk rumah,” katanya sambil menjelaskan bahawa bahan asas membuat dodol adalah tepung pulut, gula merah, santan dan gula putih.

Ditanya mengenai kerena pelanggan, Mak Munah dengan tersenyum menyatakan bahawa muka kena sentiasa manis!

INFO :

Dodol Mak Munah :
017 – 447 8834 /
012 – 434 1540 (anak)
Facebook : dodolmакмунах



DODOL Mak Munah yang mendapat sambutan.

Nurlida jadi ‘bintang’ di MPSP

SUARA yang besar bagaikan ‘Mariah Carey Malaysia’.

Itu lah cakap-cakap hadirin yang menyaksikan persembahan langsung di pentas utama Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 baru-baru ini.

Lantang. Jelas. Merdu. Puas mendengar, puas berhibur secara langsung.

Menyanyi sejak kecil tetapi terjun dalam dunia seni secara serius semasa berusia 21 tahun apabila menyertai beberapa pertandingan menyanyi.

Kesungguhannya berbuahkan hasil. Nurlida Ab. Raman, 31, pernah mengisi tempat ketiga rancangan realiti TV Bintang RTM pada tahun 2003.

Nurlida bertuah. Beliau memenangi tempat kedua semasa menyertai Bintang Klasik RTM pada tahun 2008.

Dalam sibuk-sibuk mengisi jemputan menyanyi secara profesional, Nurlida merupakan warga kerja di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Dari tahun 2003 hingga 2009, anak seni kelahiran Pulau Pinang, lebih khusus Taman Tun Sardon, George Town berkenaan bergabung diri dengan Combo Kebudayaan MPSP.

Selama tempoh itu, Nurlida bagaikan tulang belakang Combo Kebudayaan MPSP.

Nurlida, semasa diwawancara oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** melahirkan harapan untuk mengembalikan era kegemilangan kebudayaan di MPSP.

“Dulu memang kita (MPSP) ada combo yang serba lengkap, MPSP ada penarinya sendiri. Memang sangat meriah aktiviti kebudayaan MPSP semasa itu.

“Tetapi, ramai anggota keluarga kebudayaan MPSP berhijrah keluar atas pelbagai faktor. Yang masih bersama combo kebudayaan sekarang ini ada yang ‘sambilan’.

“Saya sendiri secara peribadi sangat merasai kesuraman dunia budaya belakangan ini...ini, selalu dikongsi dengan Pegawai Kebudayaan Cik Roslinda Che Ibrahim (dari Jabatan Kemasyarakatan MPSP).

“Saya sebagai aktivis budaya sebenarnya teringin juga lah untuk mengembalikan era kegemilangan dunia kebudayaan MPSP dulu.

“Saya memang nak MPSP ini dikenali sebagai anjung kebudayaan Seberang Perai,” ujar beliau.

Beliau berkata, Combo Kebudayaan yang ditubuhkan pada tahun 2003



NURLIDA AB. RAMAN.

disertai oleh staf MPSP sendiri, tetapi kebanyakannya anggota asal memilih terlibat secara sambilan sekarang ini.

KARIER NYANYI DAN KERJAYA

Nurlida berkata, beliau pernah membuat satu ‘single song’ pada tahun 2010 dengan tunjuk ajar

komposer Julfikar.

Lagu ‘Jauh Di Mata’ yang juga boleh diakses di youtube.com itu, menurut beliau dipilih menjadi lagi soundtrack drama ‘Siong’.

“Itulah satu-satunya ‘single’ saya. Sampai sekarang, saya masih menyimpan cita-cita untuk terus berjuang di dunia seni nyanyian ini,” ujar beliau.

Nurlida yang kita berstatus isteri dan ibu kepada anak mengakui bahawa suaminya banyak menyokong untuk beliau terus kekal dalam dunia artis.

“Saya bekerja di Jabatan Perlesenan MPSP. (Manakala), menyanyi apabila menerima jemputan.

“Suami banyak menyokong sejak sebelum berkahwin lagi. Saya memang menyimpan cita-cita untuk membuat ‘single song’ jika diberi peluang,” ujar beliau.

Sekarang, beliau giat mengembangkan bakat selepas bergabung diri dengan Okestra P. Ramlee yang berpusat di Komtar, George Town.

PRINSIP HIDUP

“Kalau boleh, memang nak teruskan mengembangkan bakat ini sampai bila-bila.”

“Jadi penyanyi perlu ada disiplin

yang tinggi. Masa untuk kembangkan karier dan masa untuk keluarga mesti diseimbangkan.

“Yang penting kita perlu ikhlas dalam seni yang kita persembahkan kerana nyanyian lagu sebenarnya dari hati yang suci,” ujar beliau.

HARAPAN

Nurlida menyimpan cita-cita supaya MPSP kembali dikenali sebagai pusat kesenian dan kebudayaan dengan peranan yang dimainkan oleh Combo Kebudayaan MPSP.

Beliau berkata, anak seni, sama ada yang bekerja dengan MPSP atau ‘sambilan’ seharusnya mendapat perhatian berwajib.

Selain itu, katanya, kebudayaan Melayu melalui nyanyian dan tarian seharusnya digalakkan dalam MPSP kerana ia mampu mengukuhkan identiti kecemerlangan MPSP itu sendiri.

Justeru, beliau berharap, lebih ramai lagi pihak berwajib bersama MPSP serta Kerajaan Negeri memberi sokongan ke arah merealisasikan Seberang Perai sebagai pusat kebudayaan dan kesenian menerusi peranan Combo Kebudayaan MPSP.

Nurlida boleh dihubungi di nurlida1982@yahoo.com.my.



AKSI NURLIDA AB. RAMAN KETIKA MEMBUAT PERSEMBAHAN.

Papan iklan haram diambil tindakan

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

JELUTONG – Operasi membersihkan Pulau Pinang daripada papan iklan haram dan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan kini giat dijalankan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Tindakan tersebut adalah ekoran tamatnya tempoh pemutihan bermula Jun hingga Disember tahun lalu yang diberikan kepada pemilik-pemilik papan iklan untuk memeriksa status hak milik masing-masing.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, pihak majlis akan menurunkan sebarang papan iklan tidak mengikut spesifikasi bersaiz 40 kaki x 60 kaki yang dibenarkan dan juga papan iklan haram

termasuk didirikan di tapak tidak dibenarkan.

“Bermula di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berhampiran Unit Nelayan Jelutong, operasi ini akan dipergiatkan secara berperingkat ke seluruh pulau.

“Contohnya, dua papan iklan gergasi berhampiran sini yang telah diukur Bahagian Kejuruteraan MPPP dan didapati melebihi had ketinggian dibenarkan.

“Justeru, kita akan menulis surat kepada pemilik papan iklan tersebut dan sekiranya tiada tindakan lanjut (oleh pemilik) dalam tempoh ditetapkan, MPPP akan menurunkan sendiri dengan kos ditanggung pemilik berkenaan,” katanya ketika mengadakan operasi di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, papan iklan melebihi saiz adalah berbahaya dan boleh mendatangkan sebarang kemungkinan yang buruk serta mengancam keselamatan pengguna jalanraya,” tegasnya.

Dalam pada itu, pada operasi sama, beliau turut menyatakan bahawa siasatan akan dijalankan berhubung tindakan mencantas barisan pokok dipercayai secara haram dan tidak mengikut spesifikasi dibenarkan di sini.

“Kawasan ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan hasil siasatan terhadap pihak terbabit mendapati ia dilakukan pihak lain yang tidak bertanggungjawab.

“Perkara ini akan disiasat kerana tidak mungkin ia boleh tercantas dengan sendiri,” ujarnya.

PAPAN iklan yang didapati tidak mengikut spesifikasi ditetapkan MPPP.



Aliran trafik Tingkat Sungai Ara jadi sehala

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Januari lalu bersetuju melaksanakan penukaran arah lalulintas sehala di sebahagian Tingkat Sungai Ara Satu di sini.

Penukaran arah laluan tersebut dilaksanakan untuk tempoh percubaan selama tiga bulan ekoran masalah kesesakan ketika waktu puncak persekolahan di kawasan terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas Majlis, Muhammad Sabri Md. Osman membentangkan keputusan tersebut pada Mesyuarat Biasa MPPP di sini baru-baru ini.

Katanya, inisiatif tersebut akan dilaksanakan bermula dari jam 6.30 pagi hingga 8 pagi, 12.30 tengahari hingga 2 petang dan 6 petang hingga 7.30 malam.

“Asas pertimbangan tindakan tersebut adalah kerana sekolah berdekatan mengalami kesesakan akibat kenderaan ibu bapa dan bas sekolah diletakkan di tepi jalan pada jumlah yang banyak di waktu puncak persekolahan.

“Pihak sekolah perlu melantik anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) bagi memantau dan melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut,” ujarnya pada pembentangan keputusan mesyuarat pada Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Yang Dipertua Majlis, Datuk Ar. Patahiyah Ismail turut mengarahkan agar kakitangan MPPP memantau penukaran arah lalulintas tersebut.

“Justeru, MPPP juga perlu mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pihak sekolah berhubung penyelesaian jangka panjang permasalahan tersebut,” ujar Patahiyah.



MUHAMMAD Sabri Md. Osman.

MPSP peruntuk baiki kemudahan rekreatif awam

Oleh: AHMAD ADIL MUHAMAD

BUKIT MERTAJAM – MPSP baru-baru ini melaksanakan satu langkah drastik dengan memperkenalkan polisi baru berhubung pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan sukan awam di sekitar Seberang Perai di sini.

Ahli Majlis MPSP, Steven Sim Chee Keong berkata, langkah tersebut diambil ekoran terdapat sejumlah 66 kemudahan di seluruh Seberang Perai yang bukan di bawah selenggaraan MPSP. Ekoran tiada dalam pelan landskap pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Kesemua kemudahan tersebut dibina menggunakan peruntukan wakil rakyat terdahulu di mana sesetengahnya tidak mengikut spesifikasi yang betul dan juga tidak menyerahkan pelan pembinaan kepada PBT,” katanya ketika mengumumkan polisi tersebut di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, menyedari peranan kerajaan tempatan di bawah seksyen 101 (c), Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan bersetuju untuk menyediakan peruntukan bagi membaiki kemudahan yang berada dalam keadaan kritis dan menerima pakai polisi baru untuk membina serta menyelenggara kemudahan-kemudahan berkenaan.

“Pada tahun ini, MPSP telah memperuntukkan RM450,000 untuk menyelenggara ruang lapang dan kemudahan rekreatif di taman dan padang awam.

“MPSP akan membelanjakan kira-kira RM93,500 bagi membaiki 13 buah gelanggang bola keranjang yang berada dalam keadaan sangat kritis bermula dengan gelanggang bola keranjang di Taman Desa Palma,”

ujar beliau.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng berkata, langkah yang diambil MPSP terbabit merupakan tindakan sistematik kerana sebelum ini wakil rakyat terpaksa mencari peruntukan sendiri dan mengambil masa yang lama untuk menyelenggara kemudahan-kemudahan berkaitan.

Beliau dalam pada itu turut mengucapkan tahniah kepada MPSP kerana berani mengambil dasar baru yang inovatif demi menjaga kepentingan rakyat.

Kepada mana-mana JKKA atau Rukun Tetangga yang menghadapi masalah atau kerosakan kemudahan sukan awam boleh menghubungi MPSP di talian 04 – 549 7766 untuk tindakan lanjut.



STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kiri) bersama-sama Chong Eng (kiri sekali) ketika meninjau kerosakan gelanggang bola keranjang di Taman Desa Palma di sini baru-baru ini.

Balu terharu suami tersenarai penerima anugerah cemerlang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

BERTAM - Seorang balu sebak apabila arwah suaminya tersenarai dalam 137 penerima yang dirai dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 kendalian Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Hasnah Ali, 55, berkata suaminya, Mohd. Aziz Osman, pekerja ‘mandor KUB’ meninggal dunia 17 Januari lepas akibat komplikasi organ dalaman.

“Saya rasa cukup terharu kerana dalam 34 tahun arwah di MPSP, saya lihat beliau komited dan suka dengan kerjanya,” ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di Dewan Kompleks Sukan MPSP di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sembilan waris warga MPSP meninggal dunia tersenarai dalam kesemua 137 penerima anugerah yang dirai pada majlis tahunan itu.

Itu, tidak termasuk 13 pesara berwajib lain, pesara dengan pilihan (11) serta pesara atas sebab kesihatan (3).

Rohanawati Ahmed, Penolong Pegawai Tadbir Kanan dari Jabatan Korporat

Perhubungan Antarabangsa turut melahirkan rasa gembira kerana dipilih sekali lagi bagi menerima anugerah pada majlis itu.

Katanya, kali pertama beliau menerima anugerah sama adalah pada tahun 2007, iaitu semasa beliau berkhidmat dalam Jabatan Pengurusan MPSP.

“Saya rasa cukup gembira kerana MPSP hargai usaha gigih pekerjanya...rasa lebih semangat sebab ada suntikan motivasi,” ujar Rohanawati.

T. Nilaadatem, 58, pesara wajib melahirkan rasa gembira kerana baktinya selama 34 tahun sebagai Pekerja Am di MPSP dihargai.

“Hujan pun kerja, panas pun kerja sebab ini amanah. Saya gembira lah,” ujar beliau.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman menyeru warga MPSP supaya terus menyemarak budaya integriti cemerlang dengan idea-idea baru untuk majlis.

“Dua aspek ini mampu membawa kita berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan penuh integriti.

“Majlis sebegini cukup bermakna... majlis ini membuktikan MPSP dan Kerajaan



NILAADATEM bersama isteri P.R.Batnawadhi menunjukkan sijil penghargaan diterima.

Negeri menghargai kakitangannya,” ujar beliau sebelum merasmikan majlis itu.

Turut berucap, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif yang menyatakan bahawa insentif diterima para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 adalah sijil Perkhidmatan Cemerlang, hadiah



HASNNAH Ali (kiri sekali) bersama anak kedua arwah, Nurfaizura Mohd. Aziz, 29, dan cucu, Farisa Azhara Mohd. Farhan, 3 pada Majlis Anugerah Cemerlang MPSP 2012 baru-baru ini.

prestasi sebanyak RM1,000, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerja seperti menghadiri kursus dan sebagainya.

Sertai Larian Menara MPSP 28 April!



LYDIA Ong Kok Fooi (tiga dari kiri), Maimunah Mohd. Sharif (tengah) dan Sr. Rozali Mohamud (lima dari kiri) bersama-sama jawatankuasa penganjur menunjukkan banting Larian Menara MPSP 2013 pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

BUKIT MERTAJAM - Larian Menara MPSP 2013 akan dianjur pada Ahad, 28 April depan bermula jam 6 pagi hingga 12 tengah hari dari perkarangan lobi Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bandar Perda, di sini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, penganjuran tersebut adalah membabitkan larian sejauh 4.65 kilometer mengelilingi Bandar Perda serta mendaki 398 anak tangga menara MPSP setinggi 16 tingkat.

“Larian Menara MPSP 2013 ini dianjurkan ke arah mempromosikan Seberang Perai,” ujar beliau pada majlis sidang media baru-baru ini di sini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) turut

hadir pada sidang media itu.

Kok Fooi berkata, pihaknya mensasar sekurang-kurangnya 1,000 penyertaan dan tarikh tutup adalah pada 14 April ini.

Yuran penyertaan bagi kategori terbuka dan veteran (lelaki dan perempuan) adalah berjumlah RM15, manakala, RM10 untuk kanak-kanak (lelaki dan perempuan).

Beliau memberitahu, Johan, Naib Johan dan tempat ketiga bagi semua kategori masing-masing akan menerima RM300, RM200 dan RM100.

“100 pelari terbaik bagi semua kategori pula akan menerima pingat khas,” ujar beliau.

Info lanjut atau urusan pendaftaran boleh dibuat melalui La Vintage Event Sdn. Bhd. (04 – 640 8983), Kaunter Berpusat MPSP Bandar Perda, Kaunter Khas Pendaftaran (012 – 440 1398) atau Pusat Khidmat Kok Fooi (04 - 530 8472).

136 gerai peroleh Gred A tahap kebersihan



ONG Ah Teong (dua dari kiri) menunjukkan tanda bagus di hadapan sebuah gerai yang menerima Gred B hasil pemeriksaan kebersihan MPPP di sini baru-baru ini.

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BATU MAUNG - Sebanyak 136 unit gerai berjaya memperoleh Gred A hasil pemeriksaan kebersihan dijalankan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) membabitkan 658 gerai di 28 kompleks makanan pihak berkuasa terbit (PBT) terbabit di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 426 memperoleh Gred B, 91 (Gred C) dan gagal (5).

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, pemeriksaan yang dilakukan adalah mengikut Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan 1983.

Beliau memberitahu, mana-mana gerai yang memperoleh Gred B dan C boleh menaiktaraf gred-gred berkenaan ke tahap lebih tinggi dengan memaklumkan kepada pihak MPPP untuk dimilai semula.

“Bagi gerai yang gagal akan diperintah tutup oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selama seminggu untuk mempertingkatkan tahap kebersihan premis sebelum pemeriksaan semula dilakukan,” katanya pada majlis sidang media selepas selesai pemeriksaan unit gerai di Kompleks MPPP Gedung di sini baru-baru ini.

Daripada 39 unit yang diperiksa, sebanyak tiga gerai memperoleh Gred A, Gred B (32) dan Gred C (4) di sini.



R.S.N Rayer (depan, tengah) menyampaikan sumbangan hamper barang keperluan asas kepada salah seorang penerima bersempena Majlis Perasmian Dewan PPS Taman Tun Sardon di sini baru-baru.

Dewan PPS untuk komuniti Seri Delima

SERI DELIMA – Perasmian Dewan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini bakal membolehkan masyarakat setempat berkumpul dan beramah-mesra bagi mengerakkan hubungan silaturahim.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer menyeru penduduk setempat agar menggunakan dan menjaga kemudahan dewan disediakan dengan sebaik-baiknya.

“Masyarakat di kawasan kejiran ini harus bersyukur kerana diberikan kemudahan untuk menjalankan aktiviti yang bermanfaat dan memberi kebaikan kepada semua pihak.

“Justeru, jagalah kemudahan dibekalkan

dengan baik,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Majlis yang dirasmikan Exco Alam Sekitar, Kesihatan, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh adalah anjuran PPS Seri Delima dengan kerjasama Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Yusof Mohd. Noor.

Selain Kempen Kesedaran Kesihatan dan Keselamatan, turut diadakan adalah pemberian sumbangan berupa hamper keperluan asas kepada 500 penerima kurang berkemampuan.

Turut diserahkan ialah satu unit mesin pemotong lalang untuk kegunaan Jawatankuasa Qariah Masjid at-Taqwa di sini.

Parit baharu atasi masalah banjir



SALEHIN Mohamed (dua dari kiri) meninjau kawasan pembinaan parit baharu di Kampung Permatang Tok Gelam di sini baru-baru ini.

TELOK AIR TAWAR – Dalam usaha membendung masalah banjir yang sering berlaku terutama ketika musim hujan, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar, Salehin Mohamed mengambil inisiatif membina parit baharu di Kampung Permatang Tok Gelam di sini baru-baru ini.

Salehin menyatakan bahawa pembinaan parit baharu sepanjang 150 meter itu bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah banjir, malah turut dapat mengelakkan berlakunya takungan air yang boleh menjaskan laluan di kampung berkenaan.

“Parit berkenaan akan memberi kesenangan kepada penduduk kampung ini terutama enam buah rumah berhampiran kawasan pembinaan parit.

“Mereka tidak perlu bimbang lagi apabila tiba musim hujan memandangkan parit baharu ini lebih dalam dan lebih sempurna pengalirannya berbanding parit yang ada sebelum ini,” katanya ketika meninjau kawasan pembinaan parit baharu di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Binjai, Zulkifli Mahmud.

Pertandingan memasak kerabu gamat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PERMATANG BERANGAN – Keletah peserta pertandingan memasak kerabu terutama kaum ibu bukan sahaja menggamatkan suasana penganjuran, malah turut menonjolkan keharmonian penduduk desa Lahar Tembun di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan, Arshad Mohd. Salleh berkata, seramai 300 peserta turut serta dalam pertandingan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pokok Tampang di sini.

“Pelbagai jenis kerabu dapat dilihat (pada hari pertandingan) antaranya kerabu mangga, kerabu kacang botol, kerabu ikan bilis, kerabu nangka dan kerabu rumpai laut.

“Dalam pertandingan ini, kerabu tiga rasa menjadi juara dan kemenangan kerabu tersebut adalah berdasarkan rasa dan hiasan,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Arshad, pertandingan memasak kerabu adalah yang seumpamanya dianjurkan pada tahun ini dan mendapat sambutan menggalakkan terutama daripada kaum ibu di Kampung Pokok Tampang.

“InshaAllah, kita akan anjurkan lagi pertandingan sebegini yang lebih mesra rakyat dan lebih semangat gotong-royong.

“Keletah dan suasana gamat inilah yang melambangkan keharmonian masyarakat di sini,” ujar beliau.

Turut diadakan adalah pertandingan memancing di Sungai Kreh khas kepada kaum bapa yang memperoleh penyertaan lebih 500 peserta.



ARSHAD Mohd. Salleh (dua dari kiri) merasa salah satu jenis kerabu yang dipertandingkan dalam Pertandingan Memasak Kerabu di Kampung Pokok Tampang di sini baru-baru ini.

Semarak kempen kitar semula demi generasi depan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

SUNGAI DUA – Buat julung kali, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua mengambil inisiatif menganjurkan Program Kitar Semula Bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Tujuan penganjuran program yang turut memperoleh kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Tok Jaya tersebut adalah bagi memberi peluang kepada pengunjung mengetahui tatacara dalam penggunaan semula bahan-bahan buangan atau terpakai.

Pegawai Penyelaras PPK Sungai Dua, Zahadi Mohammad berkata, selain sesi penerangan, turut diselit adalah acara tatacara membuat baja, sabun dan ubat menghalau nyamuk secara praktikal yang didedahkan kepada umum.

“Terima kasih kepada Encik Chew Eng Seng dari Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

MPSP kerana sudi memberi taklimat ringkas tentang kelebihan kitar semula dan peranan semua pihak dalam menjayakan program ini.

“Diharapkan program ini mampu menyemarakkan kempen kitar semula dalam kalangan penduduk desa di sini dan sekaligus menyahut saranan Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Zahadi memberitahu, kempen-kempen kesedaran awam tentang kitar semula merupakan kempen yang perlu diteruskan dalam setiap lapisan masyarakat dan bukanlah terletak di bahu Kerajaan Negeri semata-mata atau pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Isu kitar semula ini adalah isu berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar secara menyeluruh dan ada kena mengena dengan setiap individu.

“Sekiranya alam sekitar tidak dipelihara, maka generasi akan datang bakal menerima keburukan dan terjejas akibat kealpaan kita,” tegas beliau.

Awang syukur terima sumbangan

PINANG TUNGGAL – Bagi Awang Mohd. Junus, 73, beliau amat bersyukur dengan bantuan Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang yang membolehkannya meneruskan kerja harian menjual kuih-muih di kawasan sekitar Kampung Tok Bedu di sini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad, Awang menerima sebuah motosikal yang lengkap dengan balang kaca bernilai RM4,000.

“Sumbangan PUZ ini adalah bagi menggantikan motosikalnya yang telah uzur dan tidak selamat digunakan lagi.

“Diharap Awang dapat memanfaatkan sepenuhnya sumbangan ini memandangkan ia merupakan satu-satunya mata pencarian beliau,” ujar Muhasdey kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Penyerahan disempurnakan oleh Lembaga Pengarah PUZ, Ir. Ahmad Zakiuddin Abd. Rahman di kediamannya di Kampung Tok Bedu.

Awang tinggal bersama isterinya, Baidah Osman, 67, yang menghidap diabetes dan tekanan darah tinggi dan seorang anak berusia 25 tahun yang hanya melakukan kerja-kerja kampung di sini.



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABD. RAHMAN (KIRI SEKALI) menyampaikan sumbangan sebuah motosikal kepada **AWANG MOHD. JUNUS (KANAN SEKALI)** sambil diperhatikan **MUHASDEY MUHAMMAD** di Kampung Tok Bedu di sini baru-baru ini.



AWANG MOHD. JUNUS menaiki motosikal baru diterimanya.



ZAHADI Mohammad (empat dari kanan) tidak ketinggalan mencuba kaedah membuat sabun menggunakan bahan-bahan kitar semula bersempena penganjuran Program Kitar Semula Bersama MPSP di sini baru-baru ini.

Projek infrastruktur demi pembangunan ummah

DEMI RAKYAT... Bagi Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain, suara rakyat adalah suara keramat yang perlu diambil berat terutama dalam soal pembangunan infrastruktur desa.

Contohnya kata Rosidi, pembinaan parit baharu di Kampung Lahar Minyak di sini adalah atas inisiatif Pusat Khidmat PPK Penaga setelah menerima aduan daripada penduduk yang menyatakan bahawa mereka terpaksa berdepan dengan masalah banjir kilat walaupun keadaan hujan renyai.

“Selepas mengadakan pemantauan di kawasan tersebut, kita (Pusat Khidmat PPK Penaga) bersetuju untuk membantu penduduk di kawasan berkenaan membina parit baharu,” katanya di sini baru-baru ini.

Difahamkan, projek pembinaan parit baharu tersebut adalah projek ketujuh penyelenggaraan infrastruktur bagi Pusat Khidmat PPK Penaga.

Tambah Rosidi, pembinaan parit terbabit bukan sahaja mampu mengatasi masalah banjir kilat,



ROSIDI HUSSAIN (KIRI) bersama salah seorang penduduk di Kampung Lahar Minyak meninjau projek pembinaan parit baharu di sini baru-baru ini.

malah turut mengelakkkan kawasan berkenaan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

“Demi rakyat, saya perlu berkhidmat walau apapun isu berbangkit atau masalah yang timbul.

“InshaAllah, segala projek pembangunan dan infrastruktur yang dilaksanakan adalah ke arah mardhatillah iaitu mencari keredhaan Allah S.W.T,” ujar Rosidi.



Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang : Suara Rakyat, Suara Keramat!

Rajin & gigih boleh cari makan di Pulau Pinang!

Usahawan jeruk berjaya : MOHAMAD NASIR HUSSAIN, 54.

“TANGGAPAN mengatakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang menindas peniaga Melayu di sini tak betoi! Lihat, *business* saya dapat berkembang atas daya usaha saya sendiri sejak tahun 2009.

Anak saudaranya, Mohd. Izam Mahazir, 27, berasal dari Alor Star, Kedah yang menyelia salah sebuah cawangan perniagaan jeruknya di Pasar Chowrasta menyatakan bahawa beliau ingin terus berniaga di negeri ini.


“Sejak di sini (Pulau Pinang), pemikiran saya lebih luas dengan persaingan sihat antara peniaga-peniaga lain khususnya Cina dan India. Secara purata, perniagaan seliaan saya dapat untung RM20,000 sebulan,” jelas beliau.

► MOHAMAD Nasir Hussain.



◀ MOHD. Izam Mahazir

Pulau Pinang Hapuskan Kemiskinan 2013.



Penerima bantuan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) membasi kemiskinan : SITI ROHAYA ABDUL SALAM, 41.

SITI Rohaya yang merupakan seorang ibu tunggal di Ayer Itam dikurniakan dua anak kembar lelaki kini berusia empat tahun. “Alhamdullilah, saya boleh ‘bernafas’ sedikit kerana Kerajaan Negeri kini amat menitikberatkan soal kebajikan.

“Dengan menambah ‘top-up’ jumlah pendapatan isi rumah minima ke tahap RM770, saya menerima RM200 sebulan berbanding Kerajaan Negeri dahulu yang tidak pernah menyumbangkan apa-apa bantuan kepada golongan miskin,” katanya yang tidak dapat berdiri lebih daripada 15 minit akibat sakit belakang, penat dan sesak nafas dialami.

Bayaran balik pinjaman Mikrokredit tidak membebankan!


Peminjam RM3,000 tanpa riba dan tanpa cagaran. Program Mikrokredit Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang : JAMALIAH BAHRIN, 30.

“Kutipan mingguan sekitar RM65 dan ia sebenarnya tidak membebankan, malah membantu untuk menambah bilangan aksesori sedia ada di kiosk saya.

“InshaAllah, saya menyimpan hasrat untuk membuka lagi beberapa cawangan kios di pasaraya di Pulau Pinang setelah hampir dua tahun mencebur bidang ini,” ujarnya yang kini mempunyai sebuah kiosk di Tabung Haji, Bayan Lepas.



Kerajaan Negeri bantu pengayuh beca RM100 sebulan.



Pengayuh beca : MOHD. YUSOF SAYED, 68.

“Sejak menjadi pengayuh beca pada 60-an, inilah kali pertama Kerajaan Negeri memberikan sumbangan sebanyak RM100 sebulan kepada kami (pengayuh beca). Malah, saya juga menerima sumbangan Program Warga Emas setiap tahun. Sebelum ini sekupang pun tak diterima daripada kerajaan lama.

“Pendapatan di Pulau Pinang ini mampu mencecah RM100 sehari; Kerajaan Negeri banyak menganjurkan program-program pelancongan sehingga membawa ramai pelancong bagi menambah pendapatan kami di sini,” jelas Mohd. Yusof.

